



● BIL 272 ● 26 JULAI - 1 OGOS 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

Buli **SAMPAI** *MATI?* ➤➤ 2-3

Generasi bantut
➤➤ 9-11

Ah Ming 'hero' Labuan
➤➤ 14

Sampai bila tanpa selia?
➤➤ 19

Hilang kewarasan fikiran

MANGSA BULI RELA BUNUH DIRI



RAKYAT Malaysia terdedah dengan ancaman siber yang sukar dikawal.

SYED HAZIQUE

ISU buli siber sering berlaku dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia dan memberi impak negatif kepada psikologi seseorang yang menjadi mangsa.

Malah mangsa buli ini boleh bertindak di luar kewarasan fikiran dengan mengakhiri segalanya melalui perbuatan membunuh diri.

Pakar Psikologi dan Pensyarah Kanan Program Psikologi Klinikal dan Kesihatan Tingkah Laku, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Profesor Madya Dr Shazli Ezzat Ghazali** berkata majoriti mangsa tersebut akan mengalami gangguan emosi dan pemikiran yang sangat ekstrem.

Menurut Shazli Ezzat tekanan emosi yang berterusan itu juga boleh menyebabkan mangsa hilang kewarasan dan bertindak di luar jangkaan.

“Apabila seseorang individu berada dalam keadaan tekanan tinggi, mereka juga mungkin bertindak secara impulsif dengan mengambil keputusan untuk menamatkan hidup tanpa mempertimbangkan kesan jangka panjang.



SHAZLI EZZAT

“Fikiran dan emosi mangsa buli ini diganggu dengan banyak perkara-perkara yang negatif jika terus dihipit si pembuli sehingga mengganggu kehidupan secara holistik,” katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Shazli Ezzat yang juga Presiden Bakal Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA) menambah kesan buli siber akan menyebabkan mangsa menjadi marah, resah, gelisah, takut serta menyumbang kepada kemurungan serta masalah mental yang lain.

“Perkara ini akan menjadi faktor mereka merasakan hilang nikmat hidup dan seterusnya membunuh diri adalah penyelesaian yang terbaik untuk lari daripada masalah ini.

“Ia menyebabkan pelanggaran privasi seperti penyebaran video atau gambar memalukan yang memberi kesan emosi dan fikiran yang lebih kuat kerana menjejaskan reputasi dan maruah,” ujarnya.

Beliau turut menegaskan, sokongan moral daripada masyarakat sekeliling amat penting untuk membina semula semangat

mangsa buli siber.

“Ambil peduli serta peka kepada keadaan masyarakat sekeliling. Berikan aura dan kata-kata positif yang boleh membangkitkan semangat mangsa.

“Malah, mendengar luahan mangsa juga merupakan antara salah satu faktor yang boleh memberi impak positif dalam membantu mangsa buli,” katanya.

Katanya, di zaman teknologi yang serba canggih ini, penggunaan media sosial perlu lebih bijak untuk tidak terjerumus menjadi mangsa buli.

“Kalau boleh jangan berinteraksi langsung dengan komen-komen atau pengguna-pengguna media sosial yang cuba membuli ini.

“Pengguna media sosial harus bertindak proaktif, seperti menyekat akaun yang berbaur negatif itu dan abaikan segala kata-kata negatif yang boleh mengganggu emosi.

“Setiap pengguna mempunyai hak untuk saring segala informasi atau pengguna media sosial melalui tetapan privasi untuk mengawal siapa yang boleh mengakses dan memberi komen pada kandungan. Gunakan kelebihan tersebut agar kehidupan akan menjadi lebih aman,” ujarnya.

Algoritma media faktor lahir pembuli

ALGORITMA media sosial yang membolehkan hantaran negatif menjadi lebih tular dan popular membuatkan pengguna kadang-kadang sengaja memuat naik kandungan (*content*) kebencian untuk meraih populariti seterusnya melahirkan pembuli siber.

Profesor di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, **Profesor Madya Dr Mohd Khairul Naim Che Nordin**, gejala buli siber dilihat semakin kronik dan algoritma media sosial menjadi antara faktor lahirnya pembuli siber.

“Algoritma media sosial cenderung mempromosikan kandungan yang mendapat banyak perhatian dan malangnya kandungan yang biasanya mendapat perhatian adalah isu negatif serta kontroversi.

“Ia lebih cepat tersebar dan menerima lebih banyak perhatian dibandingkan konten positif. Hal ini memberi dorongan kepada seseorang untuk melakukan hal-hal yang negatif demi konten semata-mata termasuklah sehingga membuli orang lain,” katanya.

Tambah beliau, antara faktor lain yang mendorong seseorang menjadi pembuli siber adalah kurangnya rasa empati.

“Pembuli siber sering menghantar mesej berunsur kebencian dan tidak akan peduli

bagaimana mesej tersebut boleh menyebabkan tekanan emosi kepada penerima. Apatah lagi jika ia membabitkan media sosial yang tidak melibatkan interaksi langsung (tatap muka) antara pengguna.

“Pembuli siber tidak dapat melihat reaksi langsung mangsa. Komunikasi secara teks sahaja juga mengurangkan konteks emosi kerana teks tidak menyampaikan nada suara, ekspresi wajah atau bahasa tubuh, yang mana semua itu diperlukan untuk memahami emosi orang lain,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Mohd Khairul berkata anonimiti Internet yang menyediakan ruang kepada seseorang untuk menyembunyikan identiti sebenar seolah memberikan ‘perlindungan’ kepada pembuli kerana mereka boleh bersembunyi di sebalik identiti palsu atau nama samaran.

“Ini menatijahkan kurangnya rasa tanggungjawab serta akibat daripada tindakan buli yang dilakukan dan kesannya, individu yang menggunakan akaun palsu untuk menghantar ancaman atau komen negatif berasa lebih berani kerana identiti sebenar mereka tidak diketahui.

“Faktor ini boleh dirincikan melalui ciri media sosial yang berkemampuan mendorong pengguna untuk bersikap biadap, kurang sopan dan berani melakukan

LAPORKAN INSIDEN BULI SIBER KE SALURAN BERIKUT:

- 1. Polis Diraja Malaysia (PDRM)**
Pengadu boleh hadir ke balai polis berhampiran bagi pertubuhan kes dengan laporan secara bertulis.
- 2. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**
Pengadu boleh email kepada adunskmm@mcsc.gov.my
Talian bebas tol 1-800-188-030
- 3. TALIAN Kasih 15999**
Talian Kasih Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
Pengadu boleh menelpon talian 15999 yang dibuka 24 jam
Menggunakan aplikasi WhatsApp: 019-251 5999
- 4. mercy**
Talian Sokongan Psikososial
03-2505 9935
014-322 3392
011-6389 6432
011-6394 4236
- 5. BeFrienders**
Talian BeFrienders
Pengadu percuti ke talian 24 jam: 03-7627 2509
www.befrienders.org.my
- 6. Platform Media Sosial (Facebook, X, Instagram)**
www.facebook.com/help/report
How to report abusive behavior on X | X Help
Penyalahgunaan dan Spam | Pusat Bantuan Instagram
- 7. Cyber999**
Laporkan juga insiden keselamatan siber berkaitan isu-isu teknikal juga boleh terus disalurkan kepada Pusat Bantuan Cyber999
1-300-88-2999
cyber999@cybersecurity.my
010-268 5850
Aplikasi Cyber999

buli siber. Pengguna yang dalam dunia nyatanya mungkin dikenali pendiam, pemalu serta mempunyai nilai sendiri rendah boleh menjadi seorang yang pamarah, agresif dan

biadap di media sosial.

“Selain itu, media sosial juga membentuk kelompok atau komuniti yang menjadikan tingkah laku negatif sebagai suatu yang normal

dan boleh diterima termasuklah melakukan buli siber beramai-ramai. Ia boleh lahir sama ada dari tekanan kelompok atau keinginan diri untuk mendapat perakuan dari kelompok tersebut.

“Seseorang yang masuk dan terlibat dengan kelompok atau komuniti siber yang sering menyebarkan kebencian dan penghinaan biasanya akan menganggap tindakan tersebut suatu yang normal dan dibolehkan dengan pelbagai alasan dan justifikasi,” ujarnya.

Jelasnya lagi, faktor utama adalah disebabkan masalah psikologi yang dihadapi individu tersebut sebagai contoh, seseorang yang merasa terasing atau marah kerana masalah keluarga yang dihadapi mungkin mencari cara untuk meluahkan perasaan tersebut dengan membuli orang lain di alam siber.

“Media sosial biasanya menjadi platform bagi seseorang mempamerkan ‘identiti’nya. Individu yang memiliki nilai diri rendah cenderung berperilaku biadap untuk menarik perhatian pengguna yang lain,” katanya.

Justeru, Mohd Khairul menegaskan bahawa pentingnya untuk mengenal pasti faktor kepada buli siber bagi mencegah amalan ini daripada terus berleluasa di media sosial dan memakan lebih banyak nyawa tidak bersalah.

Lahir masyarakat celik teknologi

FAHAMI LITERASI DIGITAL

SYED HAZIQUE

PENDEDAHAN kepada masyarakat mengenai kepentingan literasi digital yang menekankan adab dan etika penggunaan media sosial boleh melahirkan pengguna media sosial yang bertanggungjawab.

Pensyarah Jabatan Komunikasi Universiti Islam Antrabangsa Malaysia (UIAM), **Profesor Madya Dr Shafizan Mohamed** berkata ia bagi mendidik orang ramai kepentingan serta kesan teknologi terutamanya media sosial kepada kehidupan sehari-hari masyarakat.

Menurutnya, masyarakat wajar mempunyai kemahiran literasi digital agar lebih mendalami atau fahami tentang bagaimana mahu menggunakan media sosial.

“Pada saya, amat penting untuk mempunyai ilmu secukupnya untuk beri kepekaan serta kebijaksanaan kepada pengguna.

“Bila kita berpengetahuan atau mempunyai ilmu pengguna, maka akan lebih yakin, berprinsip serta beretika ketika menggunakan media sosial,” katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Tambahnya lagi, adalah amat penting bagi masyarakat untuk mengambil langkah berjaga-jaga



SHAFIZAN



KESAN buli siber adalah kekal melibatkan kesihatan mental. - Gambar hiasan.

daripada mengundang anasir-anasir negatif.

Jelas Shafizan, elakkan daripada berinteraksi atau beri ruang kepada si pembuli untuk menunjukkan belang di media sosial.

“Apabila seseorang cakna mengenai perkara buli siber ini, individu atau mangsa boleh terus laporkan kepada pihak berkuasa,

sekat akaun terbabit serta simpan segala bukti bagi memudahkan urusan pihak berkuasa.

“Pada masa kini, masyarakat perlu bijak berkongsi maklumat peribadi ataupun profesional ketika menggunakan media sosial, malah adalah digalakkan untuk tidak berkongsi maklumat secara berlebihan yang kelak boleh

mendatangkan kemudaratan pada masa hadapan.

“Ini penting kerana kita tidak tahu siapakah ‘audience’ kita, sama ada mereka ini berniat baik atau jahat,” ujarnya.

Shafizan berkata buli siber adalah satu masalah kompleks yang memberi kesan negatif kepada masyarakat jika dibiarkan

berpanjangan.

“Buli siber ini, kita tak nampak secara fizikal kerana ia berlaku di alam maya namun kesannya kepada pemangsa adalah kekal yang melibatkan kesihatan mental.

“Satu pendekatan secara holistik bukan sahaja bergantung untuk meminda atau perketatkan undang-undang sedia ada, malah kesedaran dan pendidikan perlu diterapkan.

“Semua pihak perlu memainkan peranan, bukan sahaja menerusi kerajaan, tetapi juga institusi pendidikan, ibu bapa, pengguna media sosial juga, kita banteras gejala buli siber secara menyeluruh,” katanya.

Sementara itu, Shafizan menyokong sepenuhnya tindakan kerajaan yang membentuk satu pasukan khas melalui empat kementerian iaitu Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Digital, Kementerian Komunikasi dan Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi) bagi meminda Kanun Keseksaan (Akta 574).

“Tindakan ini harus dipuji kerana ia menunjukkan komitmen kerajaan dalam menangani masalah buli siber secara menyeluruh yang semakin berleluasa dan memberikan kesan negatif kepada masyarakat.

“Jadi bila adanya pasukan khas, undang-undang sedia ada boleh diteliti dan diperbaharui agar lebih relevan untuk tangani isu buli siber,” katanya.

Pindaan Akta 574 dibentang Oktober

PINDAAN Kanun Keseksaan (Akta 574) bagi mengekang gejala buli siber dijangka akan dibentang di Parlimen pada Oktober depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata pembentangan akan dibuat setelah hasil perbincangan bersama melibatkan empat kementerian iaitu Kementerian Komunikasi, Kementerian Digital, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) selesai.

Menurut Azalina, satu pasukan khas melibatkan empat kementerian turut dibentuk bagi memperhalusi perkara berkaitan buli siber sebelum pindaan undang-undang itu dibentangkan di Parlimen nanti.

“Kita tubuhkan satu pasukan khas membabitkan empat kementerian untuk memperhalusi pindaan Akta 574 supaya pindaan dapat dibuat pada sesi Parlimen Oktober ini.

“Pindaan ini juga untuk kita memastikan peruntukan jenayah buli siber dapat dikuatkuasakan



SATU pasukan khas dibentuk sebelum pindaan undang-undang dibentangkan di Parlimen. - Gambar hiasan.

secara efektif, memandangkan buli siber tidak ada takrifan khas dalam undang-undang.

“Jadi kita perlu tentukan dahulu definisi mengenai buli siber sebelum pindaan dibuat,” katanya.

Dalam pada itu, Azalina berkata satu seminar undang-undang keselamatan dalam talian

membabitkan penglibatan negara-negara antarabangsa akan diadakan berkaitan jenayah tersebut.

“Kita akan wujudkan satu seminar antarabangsa undang-undang keselamatan dalam talian untuk kita belajar daripada negara-negara lain seperti Australia, Kanada, United Kingdom dan

Singapura berkaitan negara itu menangani jenayah buli siber.

“Ini kerana ada pertikaian antara elemen demokrasi, terutamanya berkaitan hak asasi dan kita nak tahu apa had kepada hak asasi dalam isu berkaitan buli siber kerana ada orang berkata dalam buli siber mereka tak sentuh secara

fizikal hanya bercakap saja.

“Jadi sekarang ni aspek jenayah tu ialah ia bukan satu *one-off* lah. Dia buat *scooping*, *doxing*, *intimidation*. Lepas itu yang paling dahsyat tu dia buat, *inflammating* iaitu dia menggalakkan orang wujudkan kebencian.

“Kita tidak mahu kesannya kepada generasi muda, anak-anak kita yang tertekan dari segi emosi dan melakukan sesuatu yang tak elok pada diri mereka,” ujarnya.

Dalam pada itu, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil menegaskan akan mengambil tindakan terhadap beberapa platform media sosial susulan beberapa aspek buli siber yang berlaku.

“Selepas ini, semua platform terbabit harus bertanggungjawab dan insya-Allah, kita akan mengambil satu tindakan yang sangat tegas dalam masa beberapa hari ini.

“Percayalah, hasrat kerajaan bukan saja menjamin harga Internet lebih murah, mudah diperoleh mahupun lebih pantas tetapi juga lebih selamat untuk kita manfaatkan,” katanya.

Kos pengangkutan tinggi

PENIAGA TERPAKSA NAIK HARGA

KHAIRUL IDIN

MAJORITI peniaga kecil di Labuan mengeluh dan bimbang terhadap hasil jualan mereka yang semakin menurun susulan harga bekalan barangan mentah dan kering yang semakin meningkat.

Tinjauan Wilayahku di beberapa lokasi tumpuan di sekitar pusat bandar mendapati cili padi dijual pada harga RM28 sekilogram berbanding RM18 sekilogram sebelum ini.

Manakala sawi pula dijual pada harga RM11 sekilogram berbanding RM7 sekilogram sebelum ini dan kangkung pula pada RM10 sekilogram berbanding RM8 sebelum ini.

Dalam masa sama, faktor kos pengangkutan turut menjadi penyebab kenaikan harga gula, telur dan minyak masak.

Rata-rata peniaga yang ditemui meluahkan rasa tertekan dengan harga barangan yang sentiasa berubah setiap minggu.

Menurut peniaga kuih-muih, **Nasrah Suib**, 43, harga tersebut sangat memberi kesan kepada perniagaannya dari segi kos yang mana dia terpaksa menggunakan modal pusingan.

"Dengan keadaan ekonomi yang mencabar, saya terpaksa menaikkan harga jualan berbanding sebelum ini kerana harga tepung meningkat.

"Ramai pelanggan yang datang mengeluh dengan harga baharu yang ditetapkan namun saya terpaksa. Jika setia dengan harga lama, saya tak ada untung," katanya ketika ditemui Wilayahku.

Tambahnya lagi, kenaikan tersebut membuatkan perniagaannya mengalami kemerosotan sebanyak lima peratus.



NASRAH

Turut berdepan situasi sama, sebagai peniaga sayur, **Masniah Basung**, 37, terpaksa menjual sayur-sayuran berdasarkan harga semasa yang ditetapkan oleh pemborong.

"Kami mendapatkan bekalan sayur-sayuran daripada pembekal di Sabah. Jika mereka menaikkan harga, maka kami sebagai peniaga terpaksa menjual pada harga lebih tinggi.

"Harga sayur di sini berubah-ubah mengikut musim. Adakalanya murah sedikit ada masanya naik mendadak. Sebagai peniaga, saya tertekan apabila harga bekalan sentiasa berubah-ubah," luahnya.

Ujarnya, dia kini terpaksa bertahan dengan perniagaannya biarpun hanya memperoleh sedikit keuntungan.

"Saya berharap pihak bertanggungjawab segera memantau isu ini, apabila harga barang keperluan naik, pihak berkuasa perlu mengambil berat mengenainya.

"Pada pendapat saya, perlu selaraskan harga, sekiranya orang ramai kurang berbelanja, peniaga seperti kami berdepan kesukaran," katanya.

Sementara itu, peniaga ikan, **Saidi Omar**, 61, merayu agar adanya langkah proaktif sebelum mencapai tahap kritikal dan membebaskan semua pihak.

"Kami yang berniaga ikan di Pasar Sentral ini turut mengalami tekanan dengan kenaikan harga bekalan ikan. Kami dapat dengan harga tinggi maka terpaksa jual dengan harga sedemikian, jika tidak kami rugi," katanya.

Dia turut mengakui, bukan sahaja



MASNIAH



HARGA barangan mentah di Labuan berubah-ubah sejak kebelakangan ini.

peniaga yang terkesan malah pembeli juga turut meluahkan rasa terkilan dengan situasi yang melanda kini.

Sementara itu, Pengarah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Labuan, **Junaidah Arbain** berkata kenaikan harga barangan mentah berlaku susulan daripada kos

pengangkutan yang ditanggung oleh pembekal dari Sabah dan Semenanjung.

Katanya, berdasarkan

pemantauan, situasi bekalan terutamanya barang kawalan adalah mencukupi dan dijangka mampu memenuhi keperluan pasaran di pulau itu.

"KPDN telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan kesinambungan bekalan barangan asas di pulau ini sentiasa mencukupi," katanya.

Beliau turut menasihati kepada pemborong dan peruncit supaya menguruskan stok simpanan mereka secara bertanggungjawab.

"Para pemborong dan peruncit diberi peringatan agar tidak menyorok bekalan bagi mengelakkan lonjakan harga, pembelian panik dalam kalangan pengguna di Labuan.

"Penghantaran yang tertangguh dan permintaan meningkat berikutan kebimbangan pengguna yang menyimpan stok sekali gus menyebabkan

kenaikan harga barangan keperluan dalam beberapa minggu kebelakangan ini, terutama di kawasan kampung," katanya.



JUNAIDAH

28 kes pencemaran alam sekitar direkod

SEBANYAK 28 kes aduan berkaitan pencemaran alam sekitar direkodkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Labuan bermula Januari sehingga Julai tahun ini.

Menurut Pengarahnya, **Zulfadzli Zakaria**, sebahagian daripada kes yang direkod merupakan kes pencemaran udara iaitu pembakaran secara terbuka yang dilakukan oleh individu mahupun pihak yang tidak bertanggungjawab.

Katanya, daripada kesemua kes yang dicatatkan menunjukkan sebanyak 23 kes adalah pembakaran secara terbuka dan selebihnya merupakan kes-kes lain. "Walau bagaimanapun, kesemua kes yang pihak kami terima tidak dapat dibawa untuk

sebarang dakwaan berikutan tidak mempunyai sebarang bukti yang kukuh bagi disabitkan kesalahan.

"Namun JAS Labuan akan sentiasa melakukan pemantauan, rondaan dan operasi bagi mencegah pembakaran terbuka khususnya pada waktu hujung minggu.

"Ini kerana kita telah mengenal pasti pada setiap hujung minggu kebanyakan orang ramai berada di rumah dan masa itulah akan adanya aktiviti pembakaran secara terbuka," katanya kepada pemberita pada Program Sesi Perkongsian Ilmu Pencegahan Dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Dan Kawasan Lain Yang Berisiko Kebakaran anjuran JAS Labuan.

Tambah beliau, pihaknya turut bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan yang lain bagi memastikan keterjaminan kelestarian alam dapat dipelihara daripada sebarang pencemaran.

Sementara itu, beliau turut menasihati agar semua penduduk di pulau itu sentiasa peka terhadap kesan dan akibat daripada aktiviti pembakaran terbuka.

"Saya menyeru kepada semua penduduk di pulau ini agar sentiasa peka dan tidak membuat aktiviti pembakaran secara terbuka kerana ia bukan sahaja membahayakan dan mendatangkan bencana kepada alam sekitar malah kepada kehidupan kita," katanya.



ZULFADZLI (tengah) menyampaikan cenderahati kepada wakil agensi terlibat.

Aiman Athirah difitnah promosi arak

HADIR TANDA KOMITMEN

KECOH dan menjadi bualan hangat dalam media sosial isu yang melibatkan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Aiman Athirah Sabu yang dituduh kononnya mempromosi minuman arak di sekolah.

Rata-ratanya mengecam tindakan beliau sebagai seorang Islam yang sanggup mempromosi arak kerana takut dan 'patuh' kepada parti DAP yang disifatkan mempunyai 'pengaruh besar' dalam kerajaan.

Dalam masa yang sama, terdapat juga pihak yang menanggung di air keruh dengan membuat paparan gambar Aiman Athirah bersebelahan sebuah tin minuman keras yang telah ditukarkan logonya kepada logo parti AMANAH.

Demi memperjuangkan kebenaran, Parti Amanah Negara (AMANAH) Wilayah Persekutuan membuat laporan polis terhadap dua pemilik akaun Facebook yang didakwa memfitnah Ahli Parlimen Sepang itu.

Memetik Pengarah Biro Komunikasi AMANAH Wilayah Persekutuan, Mejar (B) Razali Zakaria berkata paparan itu berniat untuk menjatuhkan reputasi Aiman Athirah.

"Saya difahamkan Aiman Athirah akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik akaun itu kerana ia turut membabitkan imej AMANAH," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Pemuda Amanah Wilayah Persekutuan, Hafizzuddin Razian pula menggesa orang ramai supaya berhenti menyebarkan fitnah di media sosial.

"Penyebaran fitnah dikesan semakin berleluasa dengan sebelum ini, kami ada membuat laporan



AIMAN ATHIRAH sedang kumpul maklumat dan berita palsu berkaitan.

polis terhadap pengengaruh yang membuat kenyataan fitnah di media sosial.

"Disebabkan itu, kami mahu pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang menyebarkan kenyataan fitnah," katanya.

Baru-baru ini, media melaporkan Aiman Athirah akan mengambil tindakan undang-undang terhadap seorang pemilik akaun sekiranya individu itu tidak menurunkan hantaran dan menghentikan sebaran fitnah.

Aiman Athirah dilaporkan berkata, pasukannya sedang mengumpul semua maklumat dan berita palsu berkaitan.

Bukan itu sahaja, sebelum ini, Aiman Athirah kesal usaha membangunkan pendidikan di Parlimen itu 'tenggelam' selepas

tular gambar pembabitan sebuah syarikat minuman keras yang hadir sebagai salah satu penyumbang.

Menurutnya, beliau mengambil maklum mengenai gambar tular di media sosial memaparkan dirinya bersama individu lain dengan sebuah replika cek sumbangan syarikat arak berjumlah RM3 juta.

Katanya, Lembaga Pengurusan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) itu menjemput semua penyumbang termasuk beliau yang menyumbang sejumlah dana.

"Terdapat juga penyumbang persendirian, penduduk, alumni dan syarikat arak yang hadir pada program itu untuk membeli meja bagi menambah kutipan dana sekolah," katanya melalui kenyataan dikongsi di Facebook (FB).

Baru-baru ini, Aiman Athirah memenuhi undangan daripada

Lembaga Pengurusan SJJC di Sepang bagi menghadiri Konsert Amal Pendidikan bertujuan membuat kutipan membina dewan sekolah yang didirikan sejak 30 tahun lalu.

Program itu dirasmikan oleh Exco Selangor, Ng Suee Lim dan turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Pelek, Lwi Kian Keong.

Aiman Athirah berkata beliau hadir ke program itu bagi memberi sokongan kepada pihak sekolah mengumpul dana membina dewan bagi keselesaan murid dan tidak mempunyai niat lain.

Nampaknya tidak perlu disensasikan isu tersebut memandangkan kehadirannya hanya sebagai tanda komitmen dalam isu pendidikan anak-anak di kawasan itu. 

Rafizi sebar fakta selamat rakyat

SAHAM turun, pelabur lari? Tuduhan sebegini sebenarnya sengaja dijadikan isu agar rakyat tidak lagi yakin dengan kemampuan kerajaan hari ini untuk menerajui negara.

Sedangkan realitinya, prestasi ringgit dan pasaran tempatan di tahap membanggakan apabila ia merekodkan prestasi kedua terbaik di Asia dan dijangka mengukuh menjelang akhir tahun ini.

Malah Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mengakui prestasi Bursa Malaysia turut mencatatkan rekod positif dan tidak seburuk seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

"Ringgit turun, saham turun, pelabur lari. Faktanya tidak begitu. Hari ini (semalam) ringgit mengukuh kepada 4.6652 berbanding 4.7931 pada 18 April lalu.

"Indeks Komposit iaitu indeks saham syarikat terbesar terus



naik sejak setahun lalu kepada 1,633 mata, iaitu peningkatan 21.09 peratus dalam setahun.

"Indeks Emas iaitu indeks saham syarikat modal pertengahan terus

naik dan kini mencapai paras tertinggi dalam tempoh lima tahun. Indeks Emas mencecah 12,678 mata iaitu peningkatan 26.32 peratus dalam setahun," katanya dalam

satu hantaran video di Facebook baru-baru ini.

Beliau berkata demikian menjelaskan dakwaan daripada portal berita yang mengeluarkan kenyataan mengenai prestasi buruk ekonomi negara di bawah pimpinan Kerajaan MADANI.

Sebelum ini, portal berita itu melaporkan Datuk Rosol Wahid (PN Hulu Terengganu) mendakwa Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Senator Fuziah Salleh seolah-olah tidak menyedari bahawa situasi kenaikan harga barang sekarang berada dalam situasi buruk.

Tambah Rafizi, kerajaan tidak boleh menyakinkan pembangkang dengan fakta.

"Kita tidak boleh menyakinkan pembangkang dengan data dan fakta. Tapi kita boleh sebar fakta ini untuk menyelamatkan rakyat," katanya. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

27-28/7/24: Festival TARI 2024 Malaysia @ Universiti Malaysia

17/8/24: NANOWHITE MEN x Watsons Run @ Taman Metropolitan Kepong

7/9/24: Malaysia Day UTC Sentul Brisk Walk 2024 @ UTC Sentul

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara



PUTRAJAYA

27/7/24: Ecotrail Putrajaya

2 - 4/8/24: Putrajaya Equine Festival @ Putrajaya Equestrian Park

24/8/24: Pertandingan Barista Latte Art @ Persisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024



LABUAN

17-18/8/24: Labuan 3 Trails @ Palm Beach Resort & Spa

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Complex

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

Konsert Rockestra Kuala Lumpur 2024

SOKONG SEKTOR EKONOMI

DEEL ANJER

PENGANJURAN sesebuah konsert sama ada berskala kecil atau besar, ia sebenarnya memberikan impak yang menyeluruh buat sektor ekonomi negara.

Terbakhir, pengumuman Konsert Rockestra Kuala Lumpur 2024 di Panggung Anniversari Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur pada 21 Julai lalu tidak lain tidak bukan, untuk manfaat rakyat.

Menurut Pengarah Jabatan Kesenian, Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), **Naquib Hamdan**, pengumuman Konsert DBKL bukan sahaja untuk hiburan tetapi disusuli dengan objektif penting dalam menyahut seruan kerajaan untuk menyokong sektor ekonomi dan pelancongan.

"Pengumuman konsert sebegini sebenarnya boleh membantu bisnes-bisnes tempatan seperti jualan air, makanan, belon dan pelbagai lagi.

"Acara yang melibatkan artis ini banyak membantu untuk

menghidupkan lagi ekonomi tempatan dan sektor pelancongan. Ini yang kami titikberatkan," ujar beliau.

Mengulas lanjut konsert yang menampilkan penyanyi legenda hebat antaranya Ameng Spring, Muss, Bagio Damasutra, Ezad Lazim dan Tom Gegar Vaganza, Naquib berkata konsert tersebut memberi kepuasan kepada penonton.

"Semua yang datang terbuai

dengan lagu-lagu yang malar hijau yang sering menjadi siulan. Lagu-lagu mereka *timeless*. Itulah kelebihan artis legenda ini, sampai bila-bila pun lagu mereka kekal dalam ingatan masyarakat," ujar beliau.

Sementara itu, Ketua Unit Muzik DBKL, Isabella Pek berkata konsert yang dijayakan pasukan orkestra DBKL serta artis tempatan tersebut berjaya menarik lebih



ARTIS legenda menghiburkan penonton pada Konsert Rockestra Kuala Lumpur 2024.

2,000 penonton. "Pengumuman konsert-konsert DBKL selama ini turut membantu dalam industri pelancongan. Setiap kali kerajaan keluarkan dana untuk

menganjurkan konsert, medan selera, jualan peniaga sekitar Kuala Lumpur 'hidup' serta secara tidak langsung membantu sektor e-hailing.

"Mungkin ada yang tak nampak,

tapi itulah antara hasrat kerajaan dalam membantu rakyat untuk menjana pendapatan mereka sekali gus turut menyumbang kepada ekonomi negara," ujar Isabella. 

Quick Win beri manfaat

PELAKSANAAN Projek Quick Win PA/PPR di 64 kawasan yang memberi manfaat segera kepada penduduk Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) menunjukkan komitmen Kerajaan Perpaduan sentiasa memahami denyut nadi rakyat.

Pengurus Kawasan Pejabat Cawangan Batu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), **Mohd Attamimi Farouk@Maarof** berkata pelaksanaan projek anjuran pihaknya itu menjadi cara penyelesaian jangka pendek sementara impak secara menyeluruh menerusi projek-projek pembangunan yang giat dilakukan.

"Lebih 100 orang penduduk bersama-sama berganding bahu dalam menjalankan aktiviti kebersihan dan pengindahan di kawasan PPR iaitu pemantauan kerja pembersihan kawasan oleh kontraktor, kerja-kerja mengecat bangunan, parkir, mural dan lain-lain. Selain itu kita juga membuat hiasan oleh komuniti di lobi lif dan pertandingan keceriaan serta kebersihan blok," ujar beliau.

Dalam masa sama, Mohd Attamimi berkata pihaknya turut mengeluarkan notis arahan mengalihkan kenderaan buruk dan tersadai yang mana pemilik kenderaan telah diberi tempoh selama tujuh hari dari tarikh



MOHD ATTAMIMI bekerjasama bersama penduduk melakukan aktiviti pengindahan.

notis untuk mengalihkan kenderaan sebelum penundaan dilaksanakan.

"Sekiranya mereka gagal mematuhi arahan ini, tindakan penguatkuasaan akan diambil dengan memindahkan kenderaan tersadai ini ke Depoh Simpanan Kenderaan Buruk/Tersadai DBKL. Kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerosakan kenderaan akibat daripada tindakan penguatkuasaan yang akan dijalankan nanti," tegasnya.

Sementara itu, Pengerusi

Persatuan Penduduk PPR Pekan Batu, **Sohori Miswan** berkata isu dan permasalahan di kawasan PA/PPR perlu campur tangan dan penglibatan daripada semua pihak khususnya tindakan pihak berkuasa tempatan (PBT) DBKL untuk mencapai penyelesaian secara menyeluruh.

"Kami akan selesaikan sendiri sekiranya isu tersebut boleh diselesaikan di peringkat jawatankuasa persatuan penduduk tetapi untuk perkara yang memerlukan penglibatan dan tindakan daripada pihak DBKL, kita akan maklumkan kepada mereka," ujarnya. 

Bersih segenap ruang PA/PPR

KIRA-KIRA 200 penduduk bersama petugas-petugas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bekerjasama dalam aktiviti gotong-royong bagi membersihkan persekitaran kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Petaling baru-baru ini.

Pengurus Pejabat DBKL Cawangan Bukit Bintang, **Meor Rusydi Mohd Razali** berkata fokus utama Projek Quick Win PA/PPR aktiviti itu ialah membersihkan di segenap ruangan kawasan PPR.

"Pihak DBKL bersama agensi-agensi serta penduduk berganding bahu membersihkan kawasan, mengecat jalan dan sebagainya bermula pukul 8 pagi.

"Sebanyak 23 buah kenderaan buruk atau tersadai yang melibatkan 10 kereta dan 13 motosikal yang diletakkan di sekitar kawasan parkir mahupun di tempat larangan meletak kenderaan ditunda.

"Kita mahu memudahkan

urusan penduduk, supaya tiada lagi isu parkir berpanjangan, malah kawasan sekitar juga akan bertambah bersih," katanya.

Jelasnya, pihaknya turut mengenal pasti beberapa pokok yang perlu dicantas untuk keselamatan penduduk bagi mengelakkan tragedi yang tidak diingini.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Desa Petaling, **Rohaizad Abdul Rani** berkata dia bersama-sama penduduk menghargai jasa kesemua pasukan DBKL dalam aktiviti tersebut.

"Ribuan terima kasih kepada pihak DBKL kerana sudi hadir dan menjayakan program gotong-royong ini. Aktiviti berjalan lancar dengan bantuan mereka.

"Usaha ini akan diteruskan di masa hadapan bersama penduduk. Ia bukan sahaja bagi menjamin keindahan malah dari sudut kesihatan serta keselamatan semua pihak," ujarnya. 



MEOR



ROHAIZAD



NAQUIB



SOHORI

**27
JULAI
2024**

**TAMAN TASIK
DANAU KOTA
KUALA LUMPUR**

**PUISI
BERTEMU
PERKUSI**

**GENDANG
12.00
TENGAH HARI**

**KOMPANG
4.30
PETANG**

**CAKLEMPONG
2.00
PETANG**

PESTA PERKUSI @SENANDIKA

'FILANTROPI ALAN'

Temu
DBKL

SEBUAH USAHA

DENGAN SOKONGAN

DAN KERJASAMA

SEMPENA

YOUTH BEAT



Skim Bantuan Khas YWP

RINGAN BEBAN WARGA KL

DIANA AMIR

BAGI membantu meringankan beban hidup golongan yang memerlukan, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) tampil menyampaikan sumbangan di bawah Skim Bantuan Khas YWP kepada dua penerima terpilih.

Menurut Pengarah Eksekutif YWP, **Abdul Rahman Siraj**, sumbangan tersebut diberikan secara *one-off* kepada pemohon yang berjaya.

"Untuk Skim Bantuan Khas YWP, sumbangan adalah berbentuk wang tunai sebanyak RM500 buat setiap pemohon dan kedua-duanya adalah di bawah permohonan perubatan.

"Bagi setiap permohonan, ia mengambil masa antara dua minggu sehingga sebulan untuk proses siasatan, lawatan tapak dan kewangan sebelum bantuan dapat disampaikan kepada mereka yang layak," ujarnya.

Abdul Rahman berkata selain parlimen Bandar Tun Razak, bantuan turut disampaikan kepada penduduk lain yang layak di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Semoga dengan bantuan khas yang disampaikan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban hidup pemohon memandangkan ada yang terlantar sakit, tidak boleh bekerja dan sebagainya, diharapkan dengan wang ehsan ini dapat membuka

jalan buat penjaga terutamanya dalam membiayai kos perubatan yang ditanggung," ujarnya.

Terdahulu, bantuan tersebut disampaikan ketika Program Bantuan Barangan Basah Keluarga B40 yang diadakan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Tun Razak dan telah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. Turut hadir, Pengarah Eksekutif YWP, Abdul Rahman Siraj dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan.

Dalam masa yang sama, selain Bantuan Khas, pihak YWP turut mengambil kesempatan menyampaikan sumbangan kepada seorang penerima bantuan Skim Prihatin YWP (khairat kematian) serta 30 orang pelajar berpendapatan rendah (B40) dan tercicir di bawah bantuan pendidikan.

"Diharapkan dengan bantuan pendidikan ini dapat membantu memudahkan urusan pembelajaran anak-anak B40 dan semoga mereka mampu bersaing dengan baik dengan rakan-rakan yang lain meskipun berhadapan dugaan kehidupan bersama keluarga.

"Anak-anak ini merupakan pemimpin generasi akan datang, jadi adalah penting buat pihak

YWP dalam memastikan golongan seperti ini tidak ketinggalan dan terus tercicir daripada pelajaran," katanya.

Dalam perkembangan lain, YWP yang ditubuhkan pada 9 April 1986 membawa matlamat untuk membantu warga Wilayah Persekutuan yang berpendapatan rendah dan miskin bandar dalam aspek pendidikan, kebajikan dan sosioekonomi.

Selaras objektif tersebut, YWP mengalu-alukan sumbangan wang ringgit untuk warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang amat memerlukan bantuan melalui Tabung Kebajikan & Pelajaran Yayasan Wilayah Persekutuan.

YWP telah menyediakan platform atas talian bagi membolehkan penyumbang memberikan sumbangan secara dalam talian dan bantuan tersebut dihantar terus kepada penerima yang dipilih.

Tujuannya adalah untuk memudahkan orang ramai meneruskan amalan mulia meskipun tidak dapat berkumpul bersama para penerima sumbangan. Resit potongan cukai juga akan diberikan.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, boleh layari laman sesawang www.yayasanwp.org atau Facebook [@yayasanwilayahpersekutuan](https://www.facebook.com/yayasanwilayahpersekutuan).



AZIZAH (kanan) ketika menyampaikan bantuan kepada pelajar.

JOM KENDURIAN

Putrajaya

GERAI DURIAN
BLACK THORN, MUSANG KING, IOI, UDANG MERAH
D24, KAMPUNG

TEMPAT

DATARAN PUTRAJAYA , PRESINT 3, PUTRAJAYA

TARIKH & MASA

**25 - 26 JULAI 2024 (KHAMIS & JUMAAT)
11.30 PAGI HINGGA 11.00 MALAM**

**27 - 28 JULAI 2024 (SABTU & AHAD)
9.00 PAGI HINGGA 11.00 MALAM**

#KitaSelangor

www.ppj.gov.my
perbadananputrajaya
putrajayacorp



Bil 272 . 26 JULAI - 1 OGOS 2024

GENERASI BAN TUT

►►10-11



TUMPU 1,000 HARI PERTAMA KEHIDUPAN

DIANA AMIR & SABRINA SABRE

BANTUT atau masalah tumbesaran tubuh badan dalam kanak-kanak merupakan satu kondisi yang boleh kekal seumur hidup jika ibu bapa tidak mengambil langkah intervensi yang bersesuaian.

Menurut Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022, anggaran penduduk bantut bawah usia lima tahun adalah 498,327 orang atau 21.2 peratus (%) bersamaan satu dalam lima kanak-kanak mengalami masalah ketinggian.

NHMS 2022 juga melaporkan bahawa 6.8% daripada remaja mengalami masalah bantut dan ia meningkat dari tahun 2015 iaitu sebanyak 17.7%.

Memetik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), jika masalah bantut tidak dikesan dan dibetulkan dalam tempoh 1,000 hari pertama kehidupan (sejak dalam kandungan sehingga usia dua tahun), impaknya kekal seumur hidup.

Pakar Pediatrik, **Dr Anayasmin Azmi** berkata faktor terbesar yang mempengaruhi pertumbuhan seorang kanak-kanak sebelum usianya lima tahun adalah nutrisi.

"Golongan ini sepatutnya mencapai 60% ketinggian dewasa mereka pada usia lima tahun. Namun begitu kini kita dapat melihat ramai kanak-kanak yang tidak mencapai ketinggian optimal ini.

"Mungkin ramai tidak merasakan bantut ini satu masalah kerana tidak menyedari bahawa ia membawa kesan jangka panjang antaranya mudah jatuh sakit disebabkan daya

tahan badan yang tidak kuat akibat kekurangan nutrisi seterusnya menyebabkan kualiti hidup dan pembelajaran terjejas.

"Ini juga boleh mengganggu kesihatan mental anak-anak contohnya kurang keyakinan diri. Apabila dewasa, kanak-kanak bantut lebih cenderung menghadapi penyakit kronik seperti penyakit jantung serta berkaitan paru-paru sekali gus membuatkan kualiti hidup sebagai dewasa juga menurun.

"Pelbagai kajian turut menunjukkan kanak-kanak bantut mempunyai fungsi kognitif lemah dan mengalami kelewatan perkembangan (*developmental delay*).

"Mereka juga mengalami masalah pembelajaran terutama sekali dalam matematik, membaca dan pembangunan kosa kata reseptif," ujarnya.

Beliau yang juga Pensyarah Perubatan di Fakulti Perubatan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Sg Buloh berkata terdapat beberapa faktor yang harus dibincangkan tentang isu bantut.

"Pertamanya adalah faktor genetik seperti genetik keluarga, genetik sindrom tertentu dan juga genetik mutasi tertentu, namun kajian menunjukkan ia mempengaruhi sekitar 10% sahaja ketinggian akhir dewasa tetapi 90% lagi aspek persekitaran.

"Ini kerana selain genetik, pertumbuhan awal kanak-kanak dipengaruhi sejak dalam kandungan. Oleh itu, faktor nutrisi ibu mengandung dan nutrisi dari pemakanan awal usia bayi sangat

memberi kesan kerana sekitar 27% tenaga dari nutrisi bayi usia 0 hingga 4 bulan digunakan untuk tumbesaran. Jadi sekiranya nutrisi tidak cukup, tenaga digunakan untuk *survival* maka menjejaskan tumbesaran.

"Bukan hanya kuantiti malah kualiti makanan yang dihidangkan perlu diambil berat kerana tidak sama kualitinya sekiranya kanak-kanak makan tiga kali sehari tetapi hanya makan nasi kosong dan sup.

"Untuk pertumbuhan yang sihat, satu pinggan makan perlu mengandungi karbohidrat, protein, sayuran, buahan juga minyak dan lemak. Nutrisi tidak hanya bermaksud susu yang mahal harganya tetapi makanan segar yang mengandungi nutrisi yang disebutkan boleh disediakan," ujarnya.

Tambahnya, selain nutrisi, hormon seperti hormon tumbesaran dan insulin growth factor-1 (IGF-1) juga mempengaruhi dan ia juga berkait dengan nutrisi.

"Faktor tidur juga memainkan peranan kerana tidak cukup tidur juga boleh mempengaruhi penghasilan hormon tumbesaran. Kanak-kanak berusia satu hingga dua tahun memerlukan 11 sehingga 14 jam tidur (termasuk tidur siang), tiga hingga lima tahun (10 hingga 13 jam) dan bagi enam hingga 12 tahun (sembilan sehingga 12 jam).

"Senaman luar rumah juga membantu meningkatkan kualiti kesihatan dan pertumbuhan kanak-kanak. Malang sekali, kanak-kanak kini lebih kerap terperap di rumah dan tidur lewat kerana banyak menghabiskan masa dengan gajet. Ia adalah satu rutin yang tidak sihat dan boleh memberi banyak kesan buruk buat fizikal dan mental anak-anak," katanya.

PANTAU TUMBESARAN


BANYAK kajian membuktikan sikap tidak endah ibu bapa menyebabkan isu bantut semakin meruncing hingga trend hari ini menunjukkan ramai kanak-kanak tergolong dalam kumpulan menghadapi masalah ketinggian.

Anayasmin berkata kebantutan mungkin tidak dapat dilihat dengan mata kasar pada peringkat awal. Oleh itu, pemeriksaan berkala di klinik-klinik kesihatan amat diperlukan.

"Di Malaysia, kita ada sistem imunisasi kanak-kanak sejak lahir dan pemantauan kesihatan sehingga kira-kira usia empat tahun di mana setiap kelahiran dibekalkan buku rekod bayi yang terdapat graf pemantauan pertumbuhan kanak-kanak iaitu ketinggian, berat, lilit kepala dan indeks jisim badan (BMI).

"Amat penting untuk ibu bapa serta petugas kesihatan

PERTUMBUHAN KANAK-KANAK



memanfaatkan graf ini setiap kali temu janji imunisasi dan kesihatan di klinik kesihatan untuk mengenal pasti kanak-kanak yang berisiko bantut. Sebarang pertumbuhan

yang membimbangkan perlu dikenal pasti sebab serta cara mengatasinya dan sekiranya perlu dirujuk ke hospital untuk langkah seterusnya," ujar beliau.

AWAS!

Faktor Ini Boleh Menyebabkan ANAK ANDA BANTUT

Tak menjaga kesihatan dan diet sebelum dan semasa hamil.

Anak tidak menerima nutrisi yang mencukupi.

Status ekonomi keluarga yang tidak memuaskan.

Persekitaran rumah yang tidak bersih.

Anak mengalami jangkitan penyakit dengan berulang.



Usah pandang enteng bab makan

SIBUK bekerja dan kurang arif mengenai diet yang seimbang punca ibu bapa mengabaikan pemakanan sihat untuk anak-anak sehingga menyumbang kepada tumbesaran mereka yang terbantut.

Rata-rata ibu bapa mengakui mereka kurang prihatin terhadap pemakanan anak-anak kerana sibuk bekerja dan kurang pengetahuan tentang pemakanan sihat.

Selebihnya, mereka menaruh kepercayaan penuh kepada pengurusan taska dan pengasuh serta tidak pula menyediakan bekal makanan kepada anak-anak secara konsisten.

Sementara itu, guru di sebuah taska, **Mazlina Mohd Sheh** berharap pengasuh dan ibu bapa bekerjasama untuk memastikan pemakanan berzat buat anak-anak yang sedang membesar.

"Pemakanan merupakan aspek terpenting dalam kehidupan

sehari-hari bagi mengekalkan kesihatan seseorang. Ibu bapa diharapkan untuk tidak terlalu bergantung kepada pihak taska dan perlu memantau menu yang disediakan buat anak mereka.

"Di taska, kami menyediakan makanan yang berkhasiat, seimbang, sihat dan selamat kepada semua kanak-kanak bawah jagaan kami. Hal ini kerana ia dapat menjamin anak-anak mendapat tenaga dan nutrien yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti harian mereka.

"Antara makanan yang disediakan di sini adalah bijirin yang sedia untuk dimakan, roti, nasi atau bubur, ikan, ayam, daging dan makanan laut serta hidangan snek serta kuih-muih yang dikukus dan kurang manis. Untuk minuman pula, kita sentiasa menyediakan air kosong di pusat jagaan bagi menggalakkan pengambilan

air manis. Jus buah yang tidak ditambah gula dan susu soya juga turut dihidang.

"Makanan-makanan seperti mi segera, gula-gula, makanan ringan, minuman kordial atau bersirap dan minuman berkarbonat (bergas) adalah makanan yang tidak disarankan di taska kerana ia mempunyai nutrien yang rendah dan tinggi kandungan gula, garam atau lemak. Selain itu, ia boleh menyebabkan kesan negatif pada kesihatan dalam jangka masa panjang," ujarnya.

Mazlina memberitahu kebersihan persekitaran juga sangat penting untuk memastikan anak tidak bantut.

"Salah satu pencetus masalah bantut ialah kerap cirit-birit yang berlaku disebabkan bakteria dalam makanan. Oleh sebab itu, kami di taska akan sentiasa memastikan kebersihan di persekitaran kawasan rumah dan permainan anak sekerap mungkin," ujarnya.

Beliau menekankan bahawa prinsip amalan pengambilan makanan sihat perlu diterapkan daripada awal usia anak iaitu dengan memberi makanan bernutrisi tinggi daripada pelbagai jenis sumber makanan secara kerap dalam kuantiti kecil mengikut tekstur yang sesuai, tepat pada masa dan selamat.

"Ini penting kerana keperluan tenaga, nutrien dan tekstur makanan anak berubah mengikut umur. Dalam situasi kekurangan pengambilan makanan berkhasiat, faktor kesihatan dan jangkitan berulang yang sering dialami kanak-kanak seperti selesema, demam, lelah dan cirit-birit juga boleh menyekat selera serta pengambilan makanan anak," ujarnya.

Beliau berkata ibu bapa juga perlu memainkan peranan penting



IBU BAPA RENDAH BUKAN PENYEBAB UTAMA ANAK BANTUT



Punca utama bantut:
kekurangan zat yang kronik pada awal usia.



80% pertumbuhan anak bergantung kepada apa yang dilalui dalam 1,000 hari pertama kehidupannya.



Ibu bapa yang rendah boleh mempunyai anak yang tinggi jika **pemakanan sihat bermula dari awal.**

dalam mendidik anak agar lebih berdisiplin ketika makan dan tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada taska.

"Kadang-kadang apabila anak sering bersuap dan tidak disiplin semasa makan mungkin menyebabkan mereka kurang makan ketika berada di taska," ujarnya.

Di samping itu, Mazlina turut menyarankan ibu bapa untuk menghantar anak ke taska yang berdaftar serta mengikuti kursus wajib seperti Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA.

"Peserta yang mengikuti kursus telah didedahkan dengan ilmu

berkaitan pengurusan bayi dan kanak-kanak, penyediaan makanan dan minuman, kesihatan dan keselamatan serta penerapan ilmu pendidikan bersesuaian dengan tahap umur dan perkembangan mereka.

"Saya difahamkan masih banyak taska di ibu kota tidak berlesen terutamanya di rumah. Ibu bapa kena ambil maklum mengenai hal lesen ini selain perlu lihat menu yang ditawarkan di taska.

"Makanan adalah perkara yang penting yang mana perlu ada tiga sesi jadualnya iaitu pagi, tengah hari dan petang. Kita mempunyai standard menu dan prosedur operasi standard (SOP)," ujarnya. 

Minta nasihat pakar

IBU bapa sukar menyedari jika anak mereka mempunyai masalah ketinggian kerana ukuran tersebut berbeza-beza dalam sesebuah populasi namun ilmu berkaitan banyak membantu menyedarkan mereka.

Bergelar seorang ibu, **Nurmaezah Omar**, 43, berkata dia akan memastikan anak-anaknya mendapat diet yang sihat dan seimbang agar tumbesaran mereka sama seperti kanak-kanak lain.

"Nutrisi yang cukup juga adalah penting bagi membantu tumbesaran dan sistem imunisasi memandangkan mereka sering terdedah dengan dunia luar serta berisiko untuk sakit.

"Kanak-kanak mempunyai graf tumbesaran sendiri namun nasihatkan bawa anak berjumpa doktor sekiranya ada simptom

awal berkaitan masalah bantut. Ia mungkin dapat dicegah dengan nasihat daripada pakar," katanya.

Tambahnya meskipun dia sibuk dengan kerjaya namun sentiasa cakna berkenaan masalah bantut yang semakin meningkat dalam kalangan kanak-kanak sejak kebelakangan ini.

"Ia amat merisaukan kerana bukan sahaja melibatkan tumbesaran anak-anak daripada aspek fizikal semata-mata,

malah turut memberi kesan kepada kesihatan mental dan IQ anak-anak.

"Antara tips pemakanan sihat yang saya amalkan banyakkann sayur-sayuran dan buah-buahan; makan makanan sunnah seperti kismis, madu serta kurma selain vitamin c dan kalsium. Paling penting kurangkan makanan proses seperti sosej dan sebagainya," ujarnya.



NURMAEZAH

Sementara itu, Hadi Ehsan, 47, berkata tumbesaran anaknya disahkan bantut pada usia seawal tiga bulan dan ia mungkin disebabkan kurangnya malnutrisi di dalam badan.

"Dari umur tiga hingga enam bulan tumbesaran anaknya kekal di zon kuning dan pihak hospital maklumkan kepada kami bahawa puteri sulung kami akan dikategorikan sebagai bantut.

"Sepanjang tempoh masa tersebut anak kami memang tolak untuk makan apa pun jenis makanan sama ada nestum, biskut dan sebagainya. Mujurlah pakar pemakanan menjelaskan situasi kami masih baik kerana anak kami masih menyusu.

"Sehinggalah umur dia satu tahun, suatu hari buat pertama kali, anak saya ambil sendiri roti untuk makan. Sejak itu, kami belajar daripada pengalaman untuk mendedahkan adiknya dengan semua jenis makanan," katanya. 





DBKL MEMBINA PPR IKONIK

UNIT FOTO

PROJEK Quick Win Perumahan Awam (PA)/ Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang berlangsung sejak 13 Julai lalu mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan penduduk yang rata-ratanya tidak melepaskan peluang untuk mengindahkan persekitaran kediaman.

Objektif utama program yang julung kali diadakan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu bertujuan untuk mewujudkan kawasan PA/PPR yang ikonik.

Pelbagai aktiviti telah disusun antaranya gotong-royong, penundaan kenderaan buruk, cantasan pokok serta kebersihan dan pengindahan sekali gus membangunkan kesedaran kebersihan setempat dan juga penyelenggaraan berkala bagi infrastruktur penduduk.

Antara lokaliti yang terlibat adalah PPR Gombak Setia, PPR Pekan Batu dan juga PPR Desa Petaling. Ia turut melibatkan lebih 200 orang tenaga kerja yang terdiri daripada pelbagai agensi serta penduduk setempat.

Projek Quick Win ini juga bakal dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa pada 27 Julai 2024 bertempat di PA Seri Kota.



AH MING 'HERO' LABUAN

KHAIRUL IDIN

BERPELUANG menerokai keindahan Labuan merupakan momen indah yang pastinya membuatkan sesiapa sahaja menyimpan impian untuk kembali lagi.

Ternyata pulau bebas cukai ini punya tarikan tersendiri yang menghimpunkan lokasi bersejarah, tersembunyi (*unsung places*) dan memukau (*hidden gems*).

Sambil berjalan meneroka Bandar Victoria ini, anda pasti melintasi mural gergasi yang memaparkan seorang peniaga air cincau, Teo Soon Bin @ Teo Soon Ming atau lebih dikenali sebagai **Uncle Ah Ming**, 67.

Keenakan air cincau bersama kacang dan jagung yang diwarisi bapanya sejak empat dekad lalu menjadikannya terkenal dalam kalangan penduduk di pulau tersebut.

Di sebalik air cincau yang menjadi 'igauan' ramai terselit kisah kegigihannya mencari nafkah lebih 20 tahun dengan berniaga di Jalan Muhibbah.

Gerai kecilnya menjadi saksi ketabahannya membesarkan lima orang anak sehingga berjaya menjadi insan yang hebat.

Kini tiga orang cahaya matanya iaitu Teo Lo Chie, 42, Teo Lei Teng, 36 dan Teo Lei Kun, 31, merupakan pendidik manakala dua lagi, Teo Lee Peng, 44, dan Teo Lei Hong, 34, bergelar akauntan dan pegawai di sebuah syarikat swasta.

Baginya gerai tersebut cukup bermakna kerana daripada situlah dia berupaya membuktikan kejayaannya memberi didikan sempurna kepada anak-anaknya.

"Di sini sejak lebih 20 tahun lalu, saya dan isteri, Lee Siew Eng berniaga mencari rezeki. Kami bersama-sama membuat cincau. Mungkin campuran kacang dan jagung itu serasi dan membuatnya sedap dan disukai ramai," ujarnya.

Berkongsi kisah lampau, Ah Ming berkata dia mengambil alih perniagaan tersebut daripada mendiang bapanya ketika berusia 17 tahun.

"Awalnya saya tidak yakin kerana masih muda namun diteruskan juga

sehingga kini namun saya tidak menyangka menjadi seorang yang dikenali ramai," ujarnya.

Pada 2019, dia mendapat pengiktirafan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) di atas kegigihannya menyara keluarga dengan berniaga air cincau.

Rentetan itu, potretnya diabadikan pada dinding bangunan di kawasan bandar sekali gus diangkat sebagai 'hero' ikonik di pulau tersebut.

"Masa itu saya terkejut apabila pihak MOTAC memaklumkan bahawa mereka mahu memotret wajah saya dengan melukis mural di sini.

"Namun saya amat terharu dan berterima kasih kepada masyarakat di sini yang sentiasa menyokong saya sejak dari mula berniaga sehingga sekarang," ujarnya kepada Wilayahku.

MERENDAH DIRI

RATA-RATA pengunjung yang ditemui menyifatkan Ah Ming seorang yang suka merendah diri dan mudah didekati oleh sesiapa sahaja.

Menurut pelanggan yang dikenali sebagai Muhammad Hanif Bakar, 33, Ah Ming sentiasa ramah melayani pelanggan tanpa mengira latar belakang.

"Dia sangat dikenali kerana sikap mesranya dan telah membuktikan sikap perpaduan itu dapat menyatukan semua biarpun berbeza bangsa dan agama.

"Diharapkan perniagaan ini akan diteruskan oleh keluarganya dan tidak terhenti begitu sahaja memandangkan dia sudah tua.

"Setiap hujung minggu saya akan membawa keluarga dan rakan singgah untuk menikmati air cincau. Di sini juga tempat mengimbau nostalgia ketika di bangku sekolah dulu kerana rasa air cincau ini tidak pernah berubah," ujarnya.

Sementara itu, Nurul Syafikah Azman, 23, berkata ibu dan bapanya sering membawanya menikmati air cincau di gerai Ah Ming sejak usianya tujuh tahun.

"Masa itu saya dan



adik-beradik selalu datang ke sini setiap hujung minggu. Jadi, setiap kali teringin saya akan datang ke gerai ini. Saya suka air cincau jagung.

"Sebelum ini, saya pernah juga mencuba air cincau yang dijual oleh peniaga lain namun ia tidak setanding dengan air tangan Ah Ming.

"Kami di Labuan ini ada istilah yang kami pegang iaitu bukan orang Labuan jika tidak mengenali Ah Ming kerana beliau adalah ikon Labuan," ujarnya. 



Royal FLORIA



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN



DENGAN KERJASAMA



PUTRAJAYA

2024

Raikan Bersama!

FESTIVAL BUNGA DAN TAMAN DIRAJA PUTRAJAYA

22 OGOS - 1 SEPTEMBER
2024 2024

9.00 - 10.00
AM PM

PERSISIRAN TASIK
PRESINT 2, PUTRAJAYA

SIJIL HALAL BUKTI KUALITI

DIANA AMIR

BUKAN mudah untuk mendapatkan pensijilan halal bagi sesuatu produk jika tidak menepati piawaian yang ditetapkan. Namun faktor tersebut merupakan perkara penting yang memberi keyakinan kepada pengguna.

Mengakui perkara tersebut, Ketua Pegawai Pemasaran eCare, **Cedric Loo** berkata hampir setahun dia berusaha mendapatkan sijil tersebut demi memuaskan hati pelanggan produk Apple Plus 101 Rainbow Immune Booster.

"Setiap perniagaan ada cabaran tersendiri, bagi pihak kami, ia adalah satu cabaran yang besar selagi mana produk yang dijual belum berjaya memperoleh sijil halal.

"Pada awalnya sasaran pembeli kita adalah hanya tertumpu kepada rakan-rakan terdekat sahaja dan apabila kita mempunyai perancangan untuk memasuki pasaran Malaysia dengan lebih meluas, orang ramai mula bertanya sekiranya kita mempunyai sijil halal atau tidak.

"Justeru pada tahun lalu kita mula melakukan prosedur bagi proses permohonan sijil halal dan kami berjaya memperolehnya pada Julai 2024.

"Selain itu, memandangkan kita menawarkan produk yang



SEKITAR sesi Pelancaran Media eCare yang diadakan di Bukit Jalil baru-baru ini.

mempunyai pelbagai kebaikan, orang ramai tidak mudah percaya kerana ia adalah perkara yang mustahil. Disebabkan itu kita bawa pakar nutrisi yang bersama-sama menghasilkan produk ini untuk menerangkan mengenai kebaikan yang ditawarkan kepada tubuh badan manusia," ujarnya.

Cedric berkata pensijilan tersebut juga menandakan pencapaian penting bagi



CEDRIC

syarikatnya dalam memperluaskan produknya serta memenuhi keperluan pelbagai pasaran di Malaysia.

"Sebagai sebuah syarikat yang berdedikasi mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan, kami

memahami kepentingan pensijilan halal di Malaysia yang majoriti

penduduknya adalah orang Melayu.

"Dengan memperoleh pensijilan ini, kami memastikan bahawa produk kami memenuhi standard kualiti tertinggi dan boleh diakses oleh semua orang, tanpa mengira sekatan diet.

"Langkah ini mengukuhkan komitmen kami terhadap keterangkuman dan misi untuk meningkatkan kesihatan dan kekayaan pelanggan kami," ujarnya.

Jelasnya lagi kualiti dan keselamatan produk mereka turut

disahkan oleh pelbagai badan berwibawa.

"Antaranya seperti Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MESTI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan Pensijilan 100 peratus Vegetarian," katanya.

Dalam pada itu, Cedric berkata dua ahli gusti profesional terkenal Malaysia turut diperkenalkan sebagai duta jenama.

"Mereka berdua merupakan atlet negara bagi sukan gusti iaitu Ayez Shaukat Fonseka Farid dan Nor Diana Khamaruzaman.

"Kami berbesar hati mempunyai mereka mewakili eCare. Penglibatan mereka mengukuhkan komitmen kami untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan menginspirasi komuniti kami untuk mencapai kecemerlangan," ujarnya yang juga merupakan Pengasas D Magic.

Untuk rekod, eCare ditubuhkan pada tahun 2021 yang memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan produk kesihatan inovatif dan mengendalikan platform kesejahteraan global.

Produk utamanya adalah Apple Plus 101 Rainbow Immune Booster, direka untuk meningkatkan fungsi imun, kesihatan pencernaan, dan kesejahteraan keseluruhan. 

INTERPRETASI POSITIF JIWA MERDEKA



DIANA AMIR

Foto: JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

MALAYSIA MADANI: Jiwa Merdeka diangkat sebagai tema Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2024 yang bakal disambut pada 31 Ogos ini.

Malaysia MADANI membawa maksud tunjang kemakmuran dan kemajuan negara melalui dukungan enam nilai teras utama. Manakala Jiwa Merdeka pula menzahirkan kebebasan rakyat daripada sebarang elemen negatif dalam menginterpretasikan semangat patriotik melalui aspek pemikiran, integrasi sosial dan ekonomi; seterusnya membentuk kesatuan rakyat yang kukuh, harmoni serta progresif.

Menteri Komunikasi, **Fahmi Fadzil** berkata dalam menuju HKHM, Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 turut diadakan bagi menyuburkan semangat patriotisme serta cintakan negara.

"Ia juga bertujuan menyemarakkan sambutan Bulan Kebangsaan dalam kalangan semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang kaum, bangsa, agama mahupun fahaman politik, berasaskan aspirasi Malaysia MADANI menerusi inisiatif Satu Rumah, Satu Jalur Gemilang," ujar beliau pada Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 baru-baru ini.

Fahmi yang juga jurucakap Kerajaan Perpaduan berkata majlis tersebut berkonsepkan karnival rakyat serta mendapat kerjasama daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, kementerian, jabatan dan agensi kerajaan serta swasta.

"Ia dimeriahkan dengan penganjuran Karnival Kita MADANI X HKHM dengan pengisian reruai Komuniti MADANI X NADI, RIUH

X HKHM, perkhidmatan untuk rakyat, pameran daripada pelbagai agensi, jualan keusahawanan, persembahan patriotik, aktiviti interaktif kenegaraan serta demonstrasi pembuatan produk tempatan.

"Turut diadakan, Program Permukiman Komuniti MADANI yang disertai hampir 2,500 orang peserta terdiri daripada ketua dan ahli Komuniti MADANI seluruh Semenanjung Malaysia bagi memperkasakan komuniti berkaitan inisiatif kerajaan serta penglibatan komuniti dalam menyemarakkan Bulan Kebangsaan," ujarnya.

Sementara itu, pada majlis yang sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut melakukan pelepasan konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG) 2024 yang membawa Jalur Gemilang ke seluruh pelosok negara.


Pelaksanaan aktiviti tersebut pada tahun ini diselaraskan oleh Jabatan Penerangan (JaPen) Negeri di mana Jalur Gemilang akan diserahkan kepada Pengarah Penerangan Negeri selaku Ketua Konvoi di setiap sempadan negeri.

"Sama-sama kita nantikan kehadiran konvoi di 88 *check point* yang telah dikenal pasti di seluruh negara.

"Konvoi ini melibatkan sejumlah 90 orang peserta dan 65 buah kenderaan daripada JaPen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, agensi, komuniti, badan bukan kerajaan

(NGO) Selangor dan Kelab Suzuki V-Strom Malaysia.

"Selain itu, Program Jiwa Merdeka antara kementerian dijadikan salah satu pengisian sempena Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia. Jalur Gemilang akan dipasang dan dikibarkan di bangunan-bangunan kerajaan sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur. Saya harap negeri-negeri lain turut melaksanakan program yang sama," katanya yang juga merupakan Pengerusi



Jawatankuasa Induk HKHM 2024.

Dalam pada itu, Fahmi turut mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk menyertai pelbagai aktiviti sempena Sambutan Bulan Kebangsaan dan semua maklumat yang berkenaan boleh didapati melalui portal rasmi www.merdeka360.my.

"Mewakili Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, syabas saya ucapkan atas komitmen semua pihak yang menjayakan majlis ini. Insha-Allah momentum kemeriahan ini akan diteruskan pada 31 Ogos dalam

Acara Perbarisan dan Perarakan Sambutan Hari Kebangsaan di Putrajaya dan seterusnya Sambutan Hari Malaysia pada 16 September di negeri Sabah," katanya.

Terdahulu, program serampang dua mata dalam menyantuni kebajikan rakyat serta pada masa sama, menyuntik semangat cintakan negara itu berjaya menarik kira-kira 5,000 pengunjung dan turut dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.



SEBUAH KAMPUNG DI TENGAH KOTA



KU SEMAN KU HUSSAIN

SAYA dilahir dan dibesarkan di kampung sebelum merantau ke Kuala Lumpur pada usia 24 tahun pada 1984. Maknanya alam kampung sudah lama terbina dalam kehidupan saya. Berada di kota batu bernama Kuala Lumpur menjadikan kerinduan pada alam kampung bagai tidak dapat tertahan-tahan.

Bagaimanapun disebabkan lorong rezeki terbuka di Kuala Lumpur, keterasingan itu terpaksa diredah dengan penuh sabar. Kehilangan suasana kampung menjadikan saya begitu terasing dalam persekitaran yang baharu sentiasa riuh dengan manusia dan deru kereta.

Dalam keterasingan itu saya bertemu dengan Kampung Baru, sebuah petempatan orang Melayu yang sangat dikenali waktu itu. Saya mulai menghayati kehidupan dan alam kampung di Kampung Baru apabila kerap menghabiskan masa di rumah sewa teman-teman wartawan pada tahun 1980-an dan 1990-an di situ.

Sekalipun tidak sama sepenuhnya dengan kampung asal saya, tetapi dapat mendengar kokokan ayam pada waktu subuh pun sudah terasa akan bahagiannya kehidupan di kampung. Biasanya kalau bermalam di rumah sewa teman-teman, awal pagi lagi saya sudah berada di beranda atau di jendela.

Saya menjadi begitu ralat melihat kehidupan di Kuala Lumpur bermula, manusia hilir mudik ke tempat kerja. Banyak dalam kalangan penduduk asal dan penyewa di Kampung Baru bertali arus keluar bekerja. Mereka yang mengusahakan gerai dan



KAMPUNG Baru juga terkenal dengan Rumah Biru yang mengekalkan seni bina tradisi.

kedai makan keluar lebih awal lagi. Kampung Baru yang berkeluasan 222 ekar itu adalah anugerah Sultan Selangor, Sultan Alauddin Sulaiman Syah Raja Muda Musa kepada orang Melayu pada 1899.

Pada tahun 1980-an Kampung Baru menjadi tumpuan perantau yang menyewa rumah atau bilik di Kampung Baru, pilihan utama sebelum menyewa rumah setinggan.

Mereka yang masih bujang selalunya menyewa bilik dan yang sudah berkeluarga menyewa sebuah rumah kayu yang masih

asli seni binanya dengan sewa yang pada relatifnya murah. Banyaklah masa terluang saya dihabiskan di Kampung Baru, di rumah teman-teman wartawan kerana ingin 'pulang' dalam bingkai kenangan lalu di kampung halaman.

Waktu itu gaya hidup sebahagian besar dalam kalangan anak muda Kuala Lumpur adalah bersidai di pusat beli-belah sekalipun hanya ada beberapa buah sahaja di Kuala Lumpur. Sebelah malam pula yang agak berduit berbelanja di tempat-tempat hiburan.

Saya memilih bertandang ke rumah sewa teman-teman di Kampung Baru, antaranya disebabkan suka dengan suasana kampung, apa lagi kalau makan beramai-ramai di beranda rumah seni bina Melayu.

Kampung Baru membuatkan saya tidak terpisah jauh dengan kampung halaman di Perlis. Terasa masih dalam lingkaran yang sama walaupun Kampung Baru tidak ada sawah yang saujana mata memandang luasnya. Tetapi Kampung Baru memberikan alam kampung Melayu yang hampir sama, rumah kayu dan nilai-nilai budaya penduduknya.

Awalnya seperti tidak percaya masih ada perkampungan Melayu di Kuala Lumpur sekalipun ketika itu masih banyak terdapat kampung setinggan. Antara kampung setinggan yang terkenal di Kuala Lumpur adalah Kampung Kerinchi, Kampung Pertama di Salak Selatan dan banyak lagi di sekitar Cheras.

Bagaimanapun rumah di Kampung Baru sangat berbeza berbanding kebanyakan rumah

setinggan. Rumah di Kampung Baru lebih berseni daripada binaannya sementara rumah setinggan pula sekadar berdirinya tempat berteduh daripada hujan dan terik matahari. Salah satu sebabnya rumah setinggan dibina secara tidak sah dan bila-bila masa sahaja boleh diarahkan berpindah sekiranya kawasan berkenaan hendak dibangunkan premis tertentu.

Sebab itulah banyak rumah di Kampung Baru bercirikan tradisi seni bina Melayu dan ada yang sudah berusia lebih seratus tahun. Di Kampung Baru juga terkenal dengan Rumah Biru yang mengekalkan seni bina tradisi. Sebenarnya banyak lagi rumah yang seperti itu. Bezanya ada yang tidak dipulihara dengan sebaiknya oleh pemilik.

Suatu waktu dulu Kampung Baru terkenal dengan pasar minggu yang diadakan pada setiap hujung minggu. Sebenarnya bukan sekadar tempat menjaja, tetapi barang-barang yang dijual di situ lebih bercitra tradisi terutama makanan dan kuih. Kebanyakan makanan dan kuih yang dijual di pasar minggu Kampung Baru jarang ada di tempat lain.

Daripada catatan sejarah, pasar minggu itu mula dibangunkan pada sekitar tahun 1930 oleh penduduk kampung. Tapak asalnya bermula dari pintu gerbang hingga ke Jalan Daud. Kemudian pada penghujung tahun 1930-an, tapak pasar minggu dipindahkan ke tempat baharu antara Jalan Raja Abdullah (dulunya Jalan Stoney) dan Jalan Jalan Raja Alang (dulunya Jalan Perkins).

Terdapat juga bermacam-macam jenis buah dan sayuran yang

sebelum itu hanya boleh didapati di kampung-kampung. Tetapi pasar minggu itu semua buah-buahan yang hampir pupus itu ada dijual kepada warga Kuala Lumpur. Maka tidak hairanlah sebahagian besar pengunjung bukan sahaja dalam kalangan penduduk Kampung Baru, tetapi dari seluruh Kuala Lumpur.

Pasar minggu itu boleh dianggap sebagai salah satu acara yang bersifat budaya dan tradisi, yang mengingatkan semula pada suatu masa yang lampau dengan adanya makanan dan kuih tradisi serta buah-buahan yang jarang dijual secara komersial di tempat lain.

Sebenarnya pengisian pasar minggu itu sangat sesuai dengan keberadaan Kampung Baru yang mengekalkan ciri-ciri kehidupan berbudaya di tengah-tengah Kuala Lumpur. Persekitaran itu membuatkan pasar minggu Kampung Baru begitu unik dan berkunjung ke situ adalah menjengah semula sebahagian daripada jalur kehidupan yang sudah hilang.

Kampung Baru juga memiliki mercu tanda bersejarah iaitu Kelab Sultan Sulaiman yang didirikan pada tahun 1909 dan merupakan kelab eksklusif Melayu tertua di Kuala Lumpur. Menurut catatan sejarah, bangunan asal yang dibuat daripada kayu telah musnah dalam kebakaran pada 1930 dan dua tahun kemudian didirikan bangunan baharu daripada konkrit dan juga kayu.

Kelab Sultan Sulaiman menyaksikan sejarah besar negara antaranya menjadi tempat berlangsungnya pertemuan Kongres Melayu pertama pada 1 Mac 1946. Kongres itu mendukung gagasan besar merancang gerakan tersusun menentang gagasan Malayan Union oleh British. Sebanyak 41 pertubuhan Melayu dari seluruh Malaya dan Singapura dengan 200 peserta berkumpul di Kelab Sultan Sulaiman.


Ketika pertama kali menjejak kaki ke Kampung Baru, saya terus mencari Kelab Sultan Sulaiman kerana namanya selalu disebutkan oleh arwah ayah suatu ketika dulu. Ayah tidak dapat datang ke kongres itu bersama kawan-kawan kerana kekangan kewangan.

Maka dapat berdiri di depan kelab itu pun sudah memberikan satu kebanggaan kerana akhirnya saya dapat menjejak kaki ke tempat bersejarah di negara ini.

Kini, apabila sesekali menyusuri lorong dan jalan di Kampung Baru saya kembali terhantar pada masa lalu ketika mula-mula menjadi perantau di Kuala Lumpur. Kenangan itu sebenarnya amat manis. Kampung Baru selalu mengingatkan saya pada kampung halaman dan nilai-nilai kehidupan masyarakatnya sekalipun berjarak lebih 500 kilometer di utara.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

SAMPAI BILA TANPA SELIA?



ZULKIFLI SULONG

KEJADIAN buli siber, perjudian di atas talian, penipuan (*scammer*) dan penawaran perkhidmatan seks nampaknya semakin menjadi-jadi. Ia pula berlaku dengan pertolongan platform-platform media sosial yang ada di Malaysia.

Yang sedihnya, kerajaan yang memerintah negara ini tidak mempunyai kuasa untuk mengawal kejadian jenayah ini walaupun ia berlaku di bumi Malaysia yang mempunyai peraturan dan undang-undang sendiri untuk menjaga kepentingan rakyatnya. Mereka beroperasi di Malaysia tetapi tidak tertakluk kepada undang-undang negara ini.

Turut menyedihkan, mereka mengaut keuntungan beratus juta daripada operasi perniagaan yang dibuat di negara ini tetapi tidak ada satu sen pun cukai yang boleh dikenakan ke atas mereka.

Sebut saja, *TikTok*, *Facebook*, *Telegram*, *YouTube*, *X* atau apa sahaja, kesemuanya mempunyai operasi perniagaan di Malaysia dan mengaut keuntungan berjuta-juta. Tetapi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) tidak ada sebarang kuasa untuk mengutip cukai daripada pemilik platform ini ketika Makcik Kiah yang berniaga di tepi jalan pun terpaksa membayar pelbagai cukai.

Scam adalah antara yang paling sering dan kerap berlaku melalui platform ini. Antara mangsa *scammer* adalah seorang pakar motivasi dan doktor mata terkenal, Profesor Dr Muhaya Mohamad.

Wajah, nama dan mimik suara beliau digunakan untuk menjual ubat yang tidak diluluskan. Namun, apa



tindakan platform media sosial ini untuk mengawalnya selepas aduan dibuat.

Bulan lepas, polis mendedahkan jumlah kerugian akibat *scammer* tahun 2023 sahaja ialah RM1.34 bilion dan RM2.3 bilion dari tahun 2021 hingga 2023 yang mana 20% daripadanya melibatkan warga emas.

Kita juga baru dikejutkan dengan kes buli siber melibatkan pempengaruh *TikTok*, A Rajeswary atau Esha yang akhirnya meninggal dunia dalam keadaan tragis. Pesalahnya hanya didenda RM100 dan bebas tanpa rasa penyesalan malah dilihat senyum gembira apabila dijatuhkan hukuman di mahkamah. Berapa banyak lagi kes bunuh diri sebegini akan berlaku sebelum kita bertindak?

Yang menjadi isu sekarang adalah, hampir kesemua platform ini tidak merasa ada keperluan untuk melayan tuntutan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menurunkan kandungan

yang berbahaya kepada masyarakat. Mereka tidak mahu berunding dan tidak mengambil serius tuntutan MCMC. Misalnya, gambar-gambar bedah siasat Zayn Rayyan masih terpampang di *Telegram* walaupun MCMC telah meminta untuk diturunkan.

Respons platform ini sangat lambat, mengambil masa lima hingga enam hari untuk menjawab bahawa tiada pelanggaran peraturan penggunaan. Dalam tempoh itu, bahan-bahan ini sudah pun *viral*.

"Keutamaan mereka adalah melayan tuntutan di negara-negara yang mempunyai undang-undang mengawal mereka, seperti di Indonesia. Pengguna mereka juga jauh lebih ramai. Malaysia ini hanya 'celah gigi' sahaja dari keseluruhan perniagaan mereka di seluruh dunia. Pengguna kita tak seramai di negara lain. Keuntungan mereka juga lebih besar di sana," tulis seorang rakan saya.

Bagi beliau, adalah lebih baik jika kerajaan menyekat sementara

platform ini, memaksa mereka ke meja rundingan dan membuat penambahbaikan segera untuk menangani masalah ini.

"Banyak negara sudah buat hal yang sama dan saya bersetuju Malaysia juga perlu laksanakan," katanya.

Saya difahamkan, pihak berkuasa sudah berusaha pelbagai cara untuk meminta pemilik platform media sosial ini mematuhi peraturan dan undang-undang negara namun tindakan itu seumpama bercakap dengan lembu kenyang sahaja.

Sebenarnya, kematian Esha baru-baru ini akibat dibuli melalui platform-platform media sosial ini mencelikkan mata banyak pihak. Satu tindakan drastik perlu dilakukan.

Yang mengejutkan pula, hanya denda RM100 sahaja boleh dikenakan ke atas salah seorang pembulunya berdasarkan bukti yang ada dan boleh diperolehi oleh pihak berkuasa di Malaysia.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil sendiri menyuarakan rasa kecewa dengan denda RM100 dikenakan terhadap seorang wanita yang terabit kes buli siber pempengaruh *TikTok*.

"Saya kesal dengan denda yang kecil, tetapi saya difahamkan oleh Pejabat Peguam Negara bahawa hukuman dikenakan berdasarkan bukti yang diperoleh.

"Kita perlu mengkaji semula definisi buli siber dan apakah denda yang sesuai untuknya," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas menyampaikan ucapan di KL Startup Summit 2024.

Secara khusus, Fahmi kecewa dengan platform media sosial seperti *TikTok* yang disifatkan tidak serius dalam menangani isu buli siber.

Menurut Fahmi, satu mesyuarat khas bakal diadakan dengan *TikTok*

bagi meneliti secara mendalam berdasarkan aduan-aduan yang diterima.

"Pagi tadi saya ada menerima mesej daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan mengenai insiden ini dan sudah berbincang dengan Menteri Digital, Gobind Singh Deo. Beliau juga sudah bercakap dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berhubung kes ini.

"Jadi, kami sudah mencapai satu persefahaman kerana insiden seperti ini tidak sepatutnya berlaku. Saya sangat pilu menerima berita ini walaupun sudah berulang kali mengingatkan orang ramai supaya berpada-pada meninggalkan komen di media sosial.

"Dalam masa sama, kita perlu melihat aspek pengurusan media sosial yang mana saya sudah bercakap dengan pihak *TikTok* mengenai rasa pilu dan marah kami kerana platform media sosial ini dilihat tidak serius dalam menangani isu buli siber.

"Insya-Allah dalam beberapa hari akan datang saya sudah mengatur satu mesyuarat membabitkan pihak MCMC, *TikTok*, Jabatan Peguam Negara dan beberapa pihak lain untuk melihat secara terperinci berdasarkan aduan yang pernah diterima," katanya.

Sampai bila rakyat Malaysia perlu terdedah dengan ancaman yang kita tidak boleh kawal ini. Saya yakin rakyat Malaysia sudah bersedia untuk menerima sebarang keputusan kerajaan yang sudah pasti dibuat untuk kepentingan negara dan rakyatnya.

INI sekadar pandangan penulis dan menyokong sepenuhnya agar kerajaan bertindak segera sebelum terlambat.

Jangan 'korek' lebih masa



Jalan berubah, elak tersasul

BERBAHAYA dan mencacatkan pemandangan. Ini pandangan kawan-kawan Kedai Kopi apabila melihat banyak kenderaan buruk ditinggal terbiar di banyak tempat di ibu negara, sama ada di kawasan taman perumahan, kawasan lapang, pinggir jalan dan sebagainya.

Ini menjadikan kawasan tersebut seolah-olah tempat buangan kenderaan buruk oleh pemilik yang tidak bertanggungjawab. Bagi mereka itu cara mudah melupuskan kenderaan yang sudah tidak boleh digunakan. Humber sahaja tanpa memikirkan masalah akibat perbuatan mereka.

Akhirnya pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang terbeban dengan kerja mengalih dan melupus kenderaan tersebut. Ini termasuk rancangan khas DBKL melaksanakan tindakan khas ke atas kenderaan buruk mengikut kawasan

parlimen, bermula dengan kawasan parlimen Bandar Tun Razak.

Amat tidak wajar membebaskan DBKL dengan tugas ini sedangkan pemilik asal kenderaan sesuka hati dan senang-lenang membiarkan kenderaan buruk tersadai di merata tempat. Kelihatannya seperti tukun tiruan, bezanya ia di darat bukan lautan.

Perlu diingat kenderaan buruk ini berbahaya kepada pengguna jalan atau penduduk setempat, terutama jika kenderaan tersebut berada di kawasan sukar dilihat atau pada waktu malam. Ia boleh menyebabkan pemandu melanggar kenderaan berkenaan.

Risikonya sangat tinggi dan boleh mendatangkan kecederaan. Bayangkan jika besi tajam kenderaan buruk ini atau kaca cermin tertusuk ke badan. Pasti akan mendatangkan kecederaan parah selain merosakkan kenderaan.

BIASA lalu Jalan Sultan Ismail di ibu kota? Ramai rakan kawan-kawan Kedai Kopi melaluinya setiap hari baik untuk pergi balik pejabat atau melakukan pelbagai urusan lain memandangkan jalan tersebut adalah antara jalan utama di Kuala Lumpur dan sering sesak.

Untuk itu, atas komitmen mengatasi kesesakan jalan raya di ibu negara, mulai 22 Julai lalu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan perubahan lalu lintas melibatkan Jalan Sultan Ismail. Langkah ini diambil setelah menjalankan kajian operasi jalan selama hampir tiga bulan.

Dengan perubahan itu, jalan tersebut akan dikembalikan kepada jalan sehalu dari persimpangan Jalan Raja Chulan ke persimpangan Jalan Bukit Bintang. Perubahan ini diputuskan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesesakan dan Keselamatan Jalan Raya

(JKMKKKJR).

Sebelum ini, melalui satu ujian percubaan, Jalan Sultan Ismail yang asalnya jalan sehalu dijadikan jalan dua hala mulai 1 Mei lalu. Tujuannya untuk melihat sejauh mana keberkesanan perubahan tersebut dalam mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya keputusan mengembalikan semula jalan berkenaan kepada satu hala setelah menilai dengan teliti hasil percubaan yang dilakukan. Mungkin hasil kajian mendapati jalan berkenaan lebih sesuai dikekalkan sebagai jalan satu hala.

Pihak JKMKKKJR sentiasa komited dalam usaha menangani kesesakan jalan seluruh negara khususnya Kuala Lumpur yang sentiasa sibuk dan sinonim dengan masalah kesesakan, terutama pada waktu puncak.



RAJA Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah berkenan melawat Hospital Orang Asli Gombak (HOAG) diiringi isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan hormat daripada Pendakwa Raya Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC), Karim Khan sambil dimaklumkan mengenai peranan ICC dan perkembangan isu-isu antarabangsa terutamanya di Palestin dan Myanmar.



MENTERI Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail melancarkan pembukaan Pusat Satelit Ekspatriat (ESC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menerima kunjung hormat daripada Presiden Eastern Regional Organisation for Planning and Human Settlements (EAROPH), Dr Emil Elastianto Dardak, bersama-sama delegasinya di Perbadanan Putrajaya.



MENTERI Pendidikan, Fadhlina Sidek menghadiri pertemuan bersama beberapa orang saintis terkemuka untuk membincangkan agenda penting mengenai pembudayaan STEM di sekolah.



MENTERI Ekonomi, Rafizi Ramli mengadakan pertemuan dengan Pengasas Lianlian, Dixon Zhang semasa melawat Hangzhou, baru-baru ini.

SEMINGGU

Konflik hidupan liar

PPJ TIDAK BERDIAM DIRI

SABRINA SABRE

KONFLIK hidupan liar tidak hanya berlaku di luar bandar, sebaliknya ia turut dihadapi di pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Ular adalah antara hidupan liar yang berjaya menceroboh masuk ke Wilayah Persekutuan Putrajaya sehingga mencetus kebimbangan penduduk tempatan yang rata-ratanya terdiri daripada penjawat awam.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, sebanyak empat aduan berkenaan kehadiran ular berkeliaran di kawasan awam di Putrajaya telah direkodkan dari bulan Januari hingga Julai 2024.

"PPj menerima aduan ular yang berkeliaran di kawasan kejiranan P11J dan Kediaman Flora Rosa. Kami telah melakukan siasatan di tapak dan mendapati kawasan tersebut berhampiran dengan kawasan belukar yang menjadi habitat asal hidupan liar tersebut.

"Kami telah sarankan beberapa kaedah kepada pihak pengurusan bangunan dalam menangani isu berkenaan termasuk pengurusan kebersihan kawasan bagi menjadikan kawasan persekitaran kediaman bebas daripada kehadiran ular.

"Bagi mengawal populasi hidupan liar itu, pihak PPj menerusi Seksyen Hortikultur dan Hidupan Liar, Jabatan Landskap dan Taman tidak akan berdiam diri dan sentiasa memastikan ancaman itu dapat dikawal," ujar beliau.

Fadlun berkata pihaknya sentiasa berkongsi maklumat aduan dan bekerjasama dengan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA), Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia, Angkatan Pertahanan



PIHAK PPj mengambil tindakan pantas turun padang melawat kawasan selepas aduan dibuat.

Awam Malaysia (APM) dan orang awam dalam menangani isu berkaitan kehadiran hidupan liar termasuk ular di Putrajaya.

"Pihak PPj akan sentiasa memastikan persekitaran di seluruh kawasan Putrajaya berada dalam keadaan yang selamat kepada orang awam.

"Ia termasuk memastikan keseluruhan kawasan awam berada dalam keadaan yang bersih dan terjaga," ujarinya.

Dalam pada itu, beliau turut menasihatkan orang awam untuk bersama-sama membantu menghubungi pihak berkuasa di talian kecemasan sekiranya ternampak dan terlihat kehadiran ular di kawasan awam serta perumahan bagi tindakan pencegahan yang berkesan.

Baru-baru ini, tular di media sosial penduduk sekitar Presint 11 resah gara-gara sering menjumpai ular berkeliaran berdekatan dengan

kediaman mereka.

Dakwa penduduk, dalam tempoh seminggu lebih tiga kali orang awam terserempak reptilia itu antaranya spesies ular sawa, tedung dan ular tikus. Kelibatnya dijumpai bukan sahaja dekat taman permainan, malah laluan pejalan kaki dan kolam renang.

Lebih membimbangkan apabila hidupan liar itu menjadi 'tetamu tidak diundang' bersembunyi dalam rumah penduduk. 📞

Bentuk keluarga sakinah

DALAM usaha membantu serta menyokong komuniti Putrajaya ke arah pembentukan keluarga yang harmoni, bahagia dan sakinah, Perbadanan Putrajaya (PPj) mengadakan Program Keluarga Sakinah Putrajaya 2024 yang akan berlangsung di Pulau Pinang pada 2, 3 dan 4 Ogos ini.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, istilah sakinah menggambarkan kedamaian, ketenangan dan kebahagiaan dalam hubungan kekeluargaan sekali gus membentuk komuniti yang boleh menjadi penyumbang positif kepada masyarakat.

"Program tahunan yang diadakan oleh Perbadanan Putrajaya itu adalah bagi mengamalkan konsep dan ciri-ciri nilai murni serta menangani cabaran secara tuntas dalam merealisasikan pembentukan masyarakat Putrajaya.

"Objektif program ini adalah untuk menerapkan nilai kekeluargaan yang sempurna dalam diri ibu dan bapa seterusnya memelihara keharmonian komuniti Wilayah Putrajaya.

"Dalam masa sama, program ini juga bertujuan mendidik dan memberi pendedahan kepada peserta mengenai pengurusan konflik kekeluargaan, pengurusan masa anak-anak dan keluarga selain bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim sesama asnaf serta kakitangan," ujarinya pasangan yang menyertai program tersebut tidak dibenarkan membawa anak.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Hal Ehwal Nilai, Ekonomi dan Kebajikan, Seksyen Pembangunan Komuniti, Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan, Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj di talian **019-385 1544 / 03-8887 7155/ 7656/ 7586**. 📞

Aedes betina kerap gigit

PIHAK Perbadanan Putrajaya (PPj) giat melakukan kerja pembersihan dan pencegahan bagi mengurangkan penularan kes demam denggi dan Chikungunya di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Menurut Pengarah Bahagian Kesihatan Persekitaran PPj, **Dr Mohd Helmi Abdul Hamid**, pihaknya mengambil pelbagai alternatif dan langkah proaktif bagi membasmi kedua-dua penyakit itu.

"Antaranya adalah menghantar sepasukan petugas untuk melaksanakan semburan anti-larva di kawasan terjejas.

"Kami telah menyusun tugas pembersihan untuk menghapuskan tempat pembiakan jentik dan membersihkan sampah pukat serta sisa pembersihan awam di lokaliti yang merekodkan kes.

"Penduduk dan komuniti

Putrajaya diarahkan membersihkan tempat takungan air di dalam rumah bagi mendidik mereka tentang bahayanya demam denggi," ujar beliau.

Dalam masa sama, Helmi berkata pihaknya turut mengedarkan racun pemusnah jentik-jentik kepada wakil komuniti.

Beliau berkata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan memaklumkan taburan hujan dijangka berkurangan dan menjadikan cuaca lebih panas susulan Jabatan Meteorologi Malaysia memaklumkan bahawa Monsun Barat Daya dijangka bermula pada 17 Mei dan berterusan sehingga September 2024.

"Situasi panas dan kering ini boleh menyumbang kepada peningkatan populasi nyamuk aedes di persekitaran disebabkan

kitaran hidup nyamuk dari fasa telur sehingga dewasa akan menjadi lebih pendek.

"Selain itu, nyamuk aedes betina akan menggigit dengan lebih kerap semasa cuaca panas untuk mendapatkan sumber protein iaitu darah bagi penghasilan telur," ujarinya.

Justeru, beliau menasihatkan orang ramai untuk terus memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk aedes di dalam dan luar rumah dengan melakukan aktiviti cari serta musnah tempat pembiakan sekurang-kurangnya 10 minit sekali seminggu.

"Saya berharap dengan inisiatif yang dilaksanakan bersama Majlis Perwakilan Penduduk Sub Zon 3 Putrajaya (MPPSZP), kes dan wabak demam denggi di sekitar pusat pentadbiran kerajaan ini dapat dikurangkan," ujarinya. 📞



SEKITAR Program Pengumpulan Barang Kitar Semula sempena Hari Gotong Royong & Perangi Aedes di Kuarters Fasa 4B, Presint 8.

Mahu julang nama WiPers

WASSOF BERSIAP GALI EMAS

SABRINA SABRE

BIARPUN baru berusia 20 tahun namun atlet Wilayah Persekutuan (WiPers), **Wassof Rumijam**, berazam mahu mencipta kejayaan unggul di peringkat negara mahupun antarabangsa.

Menurut atlet muda itu, minat dalam sukan Muay Thai menjadikannya lebih bersemangat ditambah pula dengan dorongan kaum keluarga yang tidak putus-putus memberikan galakan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi.

Beralih kepada perkembangan terbaharunya, Wassof mengakui sedang giat menjalani latihan untuk mempersiapkan diri menjelang Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) yang akan berlangsung pada 17 hingga 24 Ogos ini.

"Pelbagai persiapan telah dilakukan dan saya berharap dapat rangkul pingat emas untuk Wilayah Persekutuan dalam SUKMA 2024 di Sarawak. Saya akan buat yang terbaik, insya-Allah.

"Sukan Muay Thai bukanlah satu sukan yang mudah, tanpa kekuatan fizikal dan mental seseorang pemain



AKSI Wassof (kiri) dalam Kejohanan S New Power Muay Thai.

tersebut tidak mampu beraksi dengan cemerlang," ujar anak keempat daripada lima orang adik-beradik itu.

Selain itu, bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Ibnu Khaldun itu memberitahu dia menjadikan atlet Muay Thai dari

Thailand, Sangamanee sebagai idola kerana kekuatan mental yang terdapat pada lelaki tersebut.

"Setiap kali perlawanan, dia akan bermain dengan sangat tenang dan tidak terburu-buru, dia juga merupakan atlet yang sangat peramah dan menghormati orang

sekeliling dan pihak lawan. Itu yang membuatkan saya kagum dan bercita-cita untuk menjadi seperti satu hari nanti," kongsi kepada Wilayahku.

Ingin menjulang nama Malaysia di peringkat antarabangsa seperti mana yang pernah dilakukan

idolanya, Wassof tekad untuk terus fokus dan memberikan yang terbaik dalam sukan yang diceburinya sejak berusia enam tahun itu.

"Harapan saya dalam sukan Muay Thai ini sangat tinggi kerana saya mahu pergi ke tahap yang lebih tinggi lagi bukan sahaja dalam SUKMA tetapi juga di peringkat antarabangsa," ujarnya yang telah berkecimpung selama 14 tahun dalam sukan Muay Thai.

Di samping itu, atlet kelahiran Selangor itu berkata sebagai seorang atlet, segala cabaran, kecederaan serta kesukaran dialami harus diketepikan sebaik kaki menapak di gelanggang dan wajib digantikan dengan semangat juang yang tinggi.

"Cabaran paling utama adalah kerana sukan ini memerlukan atlet berlawan dengan diri sendiri secara individu untuk mengutip mata yang memerlukan. Selain itu, kita harus rajin berusaha memperbaiki prestasi persembahan di gelanggang permainan," tambahnya latihan berterusan sangat penting untuk meningkatkan teknik dan ilmu.

Sasar angkatan 305kg

ATLET angkat berat negara, **Mohamad Aniq Kasdan** menyasarkan untuk melakukan angkatan 305 kilogram (kg) dalam kategori 61kg yang disertainya untuk memburu pingat di temasya Sukan Olimpik Paris 2024 yang akan membuka tirainya 26 Julai ini.

Badang berusia 22 tahun yang membuat penampilan sulungnya di temasya berkenaan berkata setakat ini, dia sudah berhasil membuat angkatan seberat 302kg dan hanya memerlukan beberapa sentuhan akhir bagi merealisasikan impiannya itu.

Dia bagaimanapun berkata perlu berdepan beberapa saingan sengit antaranya pencabar dari Thailand dan Amerika Syarikat (AS) dalam usaha menaiki podium bagi acara angkat berat yang akan berlangsung pada 7 Ogos di South Paris Arena.

"Walaupun sadar persaingan pasti sengit namun saya tetap optimis. Perbezaan antara saya dan pesaing memang sengit, hanya beza beberapa kilogram sahaja. Jadi saya kena berusaha sedaya upaya di Paris nanti dan cuba buat angkatan lebih berat untuk hadirkan kilauan pingat, namun bergantung juga pada prestasi pencabar lain.

"Thailand dan AS merupakan antara pencabar utama dan mereka lebih muda daripada saya. Majoriti yang ke Olimpik ini ramai dari Asia Tenggara, jadi saya memang selalu jumpa mereka dan sudah tahu mereka memang merupakan pencabar sengit.

"Saya layak ke Olimpik sebelum ini dengan angkatan 296kg. Mereka



MOHAMAD ANIQ mengintai kilauan pingat di Olimpik Paris 2024.

ada yang lakukan angkatan 299kg dan 300kg iaitu beza dua hingga empat kilogram. Jadi hari kejohanan itulah yang paling penting untuk menentukan siapa boleh.

"Saya telah meningkatkan intensiti latihan. Jika sebelum ini hanya 80 peratus berat dan buat lebih banyak set, kini saya dah tingkatan bebanan ke 90 hingga 95 peratus. Kita juga ada buat latihan simulasi seperti pertandingan sebenar pada setiap minggu yang menunjukkan peningkatan melepasi rekod terdahulu," ujarnya.

Terdahulu, Mohamad Aniq berlepas ke Antalya, Turkiye bagi menjalani kem latihan terakhir sebelum beraksi di temasya sukan berprestij di Paris bersama jurulatihnya, Edmund Yeo.

"Pecutan akhir di Turkiye sangat

penting sebagai persediaan buat saya membiasakan diri dari segi iklim.

"Persiapan di Turkiye lebih kepada penyesuaian diri dari segi cuaca dan sebagainya sebab ia juga dekat dengan Paris, saya tak mahu ada gangguan ritma," ujar atlet kelahiran Johor itu.

Mohamad Aniq berada di Antalya, Turkiye untuk kem latihan selama dua minggu bagi membiasakan diri dengan perbezaan masa dan cuaca di Eropah sebelum tiba di Paris pada 3 Ogos untuk latihan rasmi di venue pertandingan.

Malaysia tidak pernah memenangi pingat Olimpik bagi sukan angkat berat manakala badang terakhir negara beraksi di pentas Olimpik ialah Mohd Hafiz Mansor pada edisi Rio 2016 dalam kategori 69kg.

Tumpu kebajikan atlet di Paris

MAJLIS Olimpik Malaysia (MOM) kekal komited untuk mengutamakan kesejahteraan dan pembangunan atlet Malaysia dengan menyediakan persekitaran terbaik untuk mereka terus cemerlang dan mengharumkan nama negara pada Sukan Olimpik 2024 di Paris dari 26 Julai hingga 11 Ogos ini.

MOM memaklumkan bahawa mereka komited untuk mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti dalam semua operasinya selain menekankan perancangan semua perbelanjaan dengan teliti demi kejayaan atlet Malaysia.

Menurut MOM, pakaian rasmi dan beg yang menjadi perhatian ditaja sepenuhnya oleh rakan kongsi iaitu Yonex Sunrise Malaysia dan Samsonite Malaysia bagi memastikan tiada penambahan perbelanjaan kepada MOM dan atlet.

"Sebagai Pengurus Sukan Olimpik di Malaysia, MOM diberi mandat oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) untuk memastikan atlet kita mendapat sokongan menyeluruh. Ini termasuk jurulatih, pakar teknikal dan pelbagai perkhidmatan penting untuk mengoptimumkan prestasi.

"D a n a d i s e d i a k a n sebahagiannya oleh badan-badan IOC seperti Olympic Solidarity

dan tajaan rakan kerjasama Olimpik IOC (TOP), bersama-sama sumbangan Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN)," katanya dalam satu kenyataan sebagai respons kepada perbincangan dan kebimbangan orang ramai mengenai kontinjen Malaysia di Paris.

Sementara itu, MOM menjelaskan bahawa Sukan Paralimpik terletak di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa (IPC) dan Majlis Paralimpik Malaysia (MPM), bukan IOC atau MOM, dengan pemilihan dan penyertaannya mengikut garis panduan dan protokol berasingan yang ditetapkan oleh IPC.

Sebagai rekod, Kontinjen Malaysia yang akan ke Paris 2024 terdiri daripada 26 atlet dan 40 pegawai termasuk 15 pakar teknikal, 11 kru perkhidmatan sokongan, sembilan pengurusan dan sekretariat dan lima pengurus pasukan dengan setiap peranan penting dalam memastikan atlet kita menerima sokongan yang mereka perlukan.

Terdahulu, MOM memaklumkan lima sukan iaitu badminton, berbasikal, terjun, memanah dan perahu layar mempunyai prospek untuk menyumbang pingat emas di Sukan Olimpik Paris 2024.



SEDIAKAN PAYUNG SEBELUM HUJAN

LANGIT tidak selalunya cerah. Begitulah juga dengan kehidupan di atas muka bumi ini. Penuh dengan ujian dan cabaran. Hari ini mungkin kita sihat, kaya mana tahu hari esok sebaliknya pula.

Disebabkan itu, perlu sentiasa bersedia menghadapi segala kemungkinan atau risiko yang akan berlaku. Bak kata

pepatah, sediakan payung sebelum hujan.

Lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini, setiap lapisan masyarakat akan terkesan tidak terkecuali juga golongan selebriti.

Bersama Wilayahku, barisan selebriti **Muss May, Syafiq Farhain dan Emma Maembong** berkongsi cara mereka menghadapi situasi tersebut.

Jana pendapatan sampingan

BARU-BARU ini netizen memuji pelakon popular, Emma Maembong antara artis yang rajin mencari rezeki selain berlakon.

Pelakon jelita ini dilihat sering melakukan *paid review* atau caj pengiklanan produk sepertimana rakan artis lain sebagai pendapatan tambahan.

Ia sekali gus memberi inspirasi kepada anak muda khususnya untuk mencari pendapatan sampingan untuk dijadikan simpanan masa depan.

"Seiring peredaran zaman, pelbagai platform dicipta untuk dimanfaatkan. Golongan penggiat seni atau artis juga tidak terkecuali untuk menjana pendapatan.

"Dengan caj yang berpatutan, dalam masa yang sama, saya buat *review* untuk membantu masyarakat khususnya para peniaga mempromosi bisnes mereka.

"Kiranya selebriti dan peniaga terutamanya yang menjalankan bisnes kecil, kami saling membantu dan memerlukan," katanya.

Emma juga menyeru anak-anak muda agar kreatif dalam mencari pendapatan menerusi kelebihan masing-masing.

"Setiap orang mengimpikan kehidupan hari tua yang aman dan sejahtera. Sama ada anda sakit atau sihat, persediaan perlu ada kerana kita tak tahu apa yang akan berlaku.

"Mungkin ada masyarakat di luar sana, tidak cukup untuk berharap kepada gaji tetap, jadi bolehlah cuba lakukan sesuatu sebagai pendapatan sampingan.

"Bukan untuk orang lain, tetapi ia berbaloi untuk anda dan keluarga. Kata orang, kena beringat sebelum terjadi apa-apa," tambahnya.

Sakit tanpa diduga

BEKAS penyanyi Muss May, melihat pentingnya persediaan dalam berhadapan dengan sebarang kemungkinan.

Baginya, musibah atau dugaan yang datang tidak mengira umur tua atau muda.

"Semua orang kena bersedia untuk sampai ke tahap itu. Ketika sedang sihat, perlu fikir kalau sakit nanti jadi macam mana. Namun selalunya sakit yang datang dalam keadaan tidak bersedia.

"Ini kerana, apabila kita berada dalam keadaan sihat serta ada pendapatan, sudah tentu kita guna untuk kehidupan seharian dan keluarga.

"Jadi, mungkin boleh simpan sebahagian. Namun tak dinafikan apabila ada kecemasan a t a u keperluan

segera, duit yang disimpan itu pun akan dipakai.

"Itulah yang berlaku dalam kehidupan, kita perlu guna duit di saat yang tak dijangka. Saya tahu ia tidak mudah, tapi kita perlu berusaha untuk menyimpan," ujarinya.

Tambahnya, setiap orang perlu ada skim perlindungan atau insurans untuk persediaan menghadapi kehidupan mendatang.

"Misalnya sebagai artis, kita bekerja sendiri, mungkin tidak ada syarikat yang boleh memberi perlindungan ketika ditimpa musibah. Namun perlulah ada persediaan. Jangan hanya berserah.

Itu salah," ujarinya.

Jamin masa depan

TAHUN ini genap 11 tahun penyanyi Syafiq Farhain bergelar pegawai bomba. Namun dia tidak pernah terfikir untuk meninggalkan kerjaya tersebut bagi memberi fokus kepada bidang nyanyian sepenuh masa.

Syafiq atau nama sebenarnya Nursyafiq Farhain A.M Salim yang sedang popular dengan lagu Sepi ini turut mengakui kerjaya tetap adalah jaminan masa hadapannya.

"Sekarang, saya sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak, jaminan sebegini amat penting buat saya dan mereka.

"Namun, bukanlah jaminan itu semata-mata yang saya fikir. Apa yang lebih penting saya minat bekerja sebagai pegawai bomba. Kalau tak ada minat susah juga. Dua-dua perlu seiring," katanya.

Sebelum ini Syafiq mengakui, pekerjaan sebagai bomba banyak membantunya ketika seluruh dunia diserang wabak COVID-19. Saat itu, dia tidak dapat menjayakan sebarang persembahan kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Rasanya semua orang perlu fikir macam mana atau apa yang perlu dilakukan sebagai persediaan berhadapan risiko.

"Saya yakin masyarakat di luar sana ada cara tersendiri. Apa pun yang dibuat, ia penting untuk persediaan diri sendiri serta keluarga tersayang," tambahnya.





Utamakan kaedah sebenar penyampaian ilmu

USAH MENGEJAR SENSASI

SAYA teringat satu komentar yang ditulis seorang pakar sejarah, Profesor Emeritus Dr Ahmat Adam menerusi tulisan beliau di laman Facebook bertarikh 26 Jun 2024, bertajuk 'Lihatlah orang Melayu sebagai bangsa penggemar tahyul!'. Catatan ini beliau tulis ketika mengulas ruangan berita berjudul *Melaka's Hang Tuah exhibition draws in 10,000 visitors since opening on June 10*.

Mengapa begitu keras dan pedas kritikan beliau?

Kerana menurut hasil penelitian dan penyelidikan yang telah beliau lakukan berpuluh tahun, terlalu banyak kisah karut dan tahyul dalam catatan sejarah di alam Melayu yang menjadi pelaris, sebaliknya dalam masa yang sama menggambarkan etika dan kemunduran masyarakat dalam berfikir mencari dan menilai kebenaran serta asal usul kisah yang digemburkan.

Menurut beliau cerita karut dan tahyul ini hanya sekadar cerita, yang kekal hanyalah kebenaran. Pembaca yang mengenali dan mengikuti pemikiran Profesor Dr Ahmat Adam menerusi karya dan tulisan beliau pasti bersetuju dengan kritikan ini. Antara karya beliau yang terkenal, Antara Sejarah dan Mitos, Hikayat Hang Tuha atau Hang Tua, Tawarikh Melayu dan Melaka.

Kalaulah seorang pakar sejarah pun begitu lantang mengkritik penyebaran dan dakwah kisah-kisah tahyul yang masyhur di alam Melayu dalam kalangan masyarakat menerusi hasil penelitian dan kajian ilmiah dan saintifik, apatah lagi kisah-



SESIAPA sahaja perlu menghormati apa jua kaedah atau pun pendekatan dalam menyampaikan dakwah. - Gambar hiasan

kisah dan cerita khurafat dan tahyul yang melibatkan hal ehwal agama berkaitan akidah, syariat mahupun akhlak yang berleluasa pada saat ini.

Perlu diingat bahawa agama Islam yang berdiri teguh pada saat ini tidak terhasil daripada kisah-kisah karut dan tahyul apatah lagi palsu, sebaliknya bertunjangkan kepada dalil kebenaran iaitu wahyu agung Al-Quran Al-Karim dan Sunnah Baginda Nabi SAW.

Berdasarkan dua teras inilah terbentuknya disiplin-disiplin ilmu yang lain yang telah dikembangkan oleh para ulama dan salafussoleh dalam membentuk gagasan dan pemikiran yang lebih jauh dan luas yang terangkum dalam diskusi disiplin ilmu usuluddin mahupun syariah. Atau lebih luas lagi dirangkumkan oleh Imam al-Ghazali dengan istilah ilmu Shar'iyah dan ilmu Ghayr Shar'iyah. Manakala

Ibnu Khaldun pula mengistilahkan dengan ungkapan al-'Ulum al-Naqliyyah dan al-'Ulum al-'Aqliyyah.

Apabila perincian dalam pelbagai disiplin ilmu seperti ulum Al-Quran, ulum Al-Hadith, usul Al-Tafsir, ulum Al-Tawhid, usul Al-Fiqh, usul Al-Da'wah dan ulum Al-Tarikh dan sebagainya, kesemuanya asas dan usul perbincangannya adalah bertunjang dan berpaksikan kepada sumber ilmu yang benar (Al-Haq), dan dikuatkuhan menerusi fakta yang sahih serta penelitian yang menggunakan metode yang selari dengan disiplin pengajian Islam.

Malah sebahagian para ulama dan kesarjanaan Islam juga telahpun menggariskan etika dan kaedah dalam penerimaan sumber ilmu yang bukan berasal daripada kerangka epistemologi Islam (*worldview*) atau syariat. Hal ini sekali gus membuktikan keluasan cara dan

kaedah berfikir dalam kerangka pemikiran Islam. Namun apakah objektif dan tujuan semua aspek ini dilakukan dan ditekankan? Tiada lain adalah bertujuan untuk menjaga keluhuran dan kesucian agama Islam daripada virus pemikiran yang merosakkan, mencacatkan dan memundurkan umat Islam.

Kita semua menghormati apa jua kaedah atau pun pendekatan pada zaman moden kini dalam menyampaikan dakwah apatah lagi nilai kebenaran Islam. Dan Islam sama sekali tidak melarang dan menegah apa jua pendekatan baharu selagi mana ia tidak bertentangan dengan pertimbangan syariat.

Namun haruslah diingatkan bahawa sehebat manapun atau secanggih manapun kaedah tersebut, ia haruslah berteraskan kepada usul dan disiplin ilmu

yang telah ditetapkan dalam agama. Jangan sampai terlalu mengutamakan nilai hiburan dan sensasi sehingga mempergunakan agama dan mengabaikan teras dan kaedah yang sebenar dalam penyampaian ilmu. Lebih buruk dan malang lagi apabila mesej tahyul dan palsu direka dan digemburkan sebagai modal pelaris, maka inilah punca kemunduran berfikir malah titik permulaan pengabaian kepada kaedah dan sumber dalam disiplin pengajian Islam yang telah digariskan oleh para alim ulama.

Cukuplah apabila Allah SWT memberikan peringatan dalam Surah Al-Isra' ayat 36: *"Dan janganlah engkau mengikuti apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya"*.

Begitu juga sabda Baginda Nabi SAW (yang bermaksud): *"Barangsiapa yang berdusta di atas namaku dengan sengaja maka siaplah tempatnya di dalam neraka."* (Hadith riwayat Imam Bukhari)

Memang benar, setiap manusia tidak lari daripada kesilapan, usalah kita menghukum umpama tiada langsung kebaikan yang pernah dilakukannya.

Penulis Dr Selamat Amir merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan boleh dihubungi di [selamat_amir@um.edu.my](mailto:salamat_amir@um.edu.my).



SERTAI SALURAN TELEGRAM

t.me/wilayahku

UNTUK INFORMASI TERKINI!



IMBAS KOD QR

